

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KEEMPAT  
*Fourth Session*  
MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid IV

Bil. 11

Hari Khamis

28 Mei 1998

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Fee (Planetarium Negara)(Pengesahan) 1997 (Ruangan  
)

**Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan ) 1997 (Ruangan )**

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**DEWAN NEGARA**  
**Mesyuarat Pertama**  
**Penggal Keempat**  
**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,  
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,  
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Cheek Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/  
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**DEWAN NEGARA****Khamis, 28 Mei 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****KAMPUNG ORANG ASLI - PERPINDAHAN DAN TUNTUTAN  
PAMPASAN**

1. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejak akhir-akhir ini terdapat banyak kes perpindahan bagi masyarakat Orang Asli disebabkan kampung mereka dibangunkan oleh projek-projek kerajaan dan swasta, soalnya:

- (a) berapakah jumlah kampung Orang Asli yang telah dipindahkan; dan
- (b) jumlah yang membawa kes pampasan ke mahkamah untuk diputuskan.

**Menteri Perpaduan Negara [Datin Paduka Hajah Zaleha binti**

**Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, bilangan kampung Orang Asli yang telah dipindahkan kerana perkampungan mereka telah dibangunkan untuk projek-projek kerajaan atau swasta ialah lima buah. Kampung-kampung yang terlibat dengan pemindahan kesemuanya terletak dalam negeri Selangor iaitu: -

- 1. Kampung Sungai Lalang, Hulu Langat - 1984
- 2. Kampung Donglai, Hulu Langat - 1976
- 3. Kampung Sungai Buah atau Bukit - 1994

Tunggul, Hulu Langat

4. Kampung Busut Ayer Hitam, Sepang - 1992
5. Kampung Sungai Tua, Gombak - 1981

Bilangan penduduk yang terlibat seramai 821 orang dari 181 keluarga.

- (b) Kes tuntutan pampasan yang melibatkan perpindahan yang saya sebutkan 5 buah kampung tadi, tidak ada yang dibawa ke mahkamah. Setakat ini masalah tersebut dapat diselesaikan di peringkat kementerian dan jabatan. Bagi kes-kes lain, ada tetapi saya tidak mempunyai maklumat terperinci bersama saya.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya hendak tuntut faham dengan Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa lagikah syarikat-syarikat swasta dan kalau boleh beberapa nama syarikat swasta yang sedang memohon dengan kerajaan khususnya yang terlibat dengan Kampung Orang Asli dalam program penswastaan. Keduanya, dalam proses pemindahan Orang-orang Asli kita, apakah bentuk facilities selain daripada perumahan yang dapat dibantu oleh kementerian? Terima kasih.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai nama-nama syarikat yang memohon untuk menswastakan kawasan orang asli kerana kadang-kadang ada di antaranya terus dihantar kepada kerajaan negeri tetapi mana-mana syarikat yang membuat permohonan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli biasanya kita menentukan syarat-syarat iaitu cadangan projek itu tidak merugikan masyarakat Orang Asli, mesti ada cadangan untuk menentukan bahawa pendapatan mereka tidak tersekut atau tidak terberhenti, ada usaha-usaha untuk memberikan pembangunan bukan sahaja perumahan tetapi lain-lain kemudahan infrastruktur, mesti mengadakan balai raya, misalnya adakan kemudahan-kemudahan masyarakat yang lain yang boleh memberikan kemudahan

untuk kehidupan yang sempurna dan selesa sebagai satu kampung yang dibangunkan. Itu syarat-syarat yang diberikan. Selepas itu, dirasakan bahawa ianya wajar dilakukan dengan sokongan daripada jabatan dan kementerian, barulah permohonan itu boleh dikemukakan kepada kerajaan negeri.

Melihat kepada kampung-kampung yang telah saya sebutkan tadi, kemudahan yang diberikan bukan sahaja perumahan tetapi ada lain-lain kemudahan yang diberikan kepada mereka dan dengan rundingan-rundingan yang dijalankan mereka bersetuju menerima, ada perumahan, ada pampasan, ada kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain dan ada juga dalam projek-projek yang dicadangkan itu diwujudkan tabung amanah. Itulah di antara syarat-syarat yang diberikan kepada pihak yang ingin memajukan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tengok masyarakat Orang Asli ini dahulunya ada Jabatan Orang Asli di bawah Menteri Dalam Negeri, selepas itu sekarang berpindah pula kepada kementerian baru di mana Yang Berhormat Menteri pun ada di sini. Saya hendak tanyalah, berapa lama lagi pihak kerajaan hendak menubuhkan khusus jabatan untuk Orang Asli ini dan selama mana pula ataupun bila mereka ini di'integrate'kan bersama-sama arus perdana masyarakat di Malaysia ini. Kerana lagi lama kita menentukan mereka dipinggirkan sebagai khusus, dengan izin, isolated dan berasingan dengan masyarakat-masyarakat lain, selama itulah kegiatan-kegiatan 90,000 lebih orang asli ini tidak dapat meningkat. Jadi ini menunjukkan sebagai ukuran ketidakjayanya kita untuk hendak menjadikan penduduk Orang Asli seperti juga rakyat Malaysia seluruhnya. Terima kasih.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, benar, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini sudah berapa kali pindah. Ianya semuanya adalah

berasaskan objektif pada ketika itu iaitu mula-mula diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri kerana isu keselamatan. Orang Asli menjadi target kepada gerakan komunis dalam hutan. Jadi, kita terpaksa meletakkan di situ, kemudian dipindahkan pula kepada Kementerian Luar Bandar dan ada seperti Yang Berhormat kata tadi itu hendak memasukkan mereka kepada arus perdana pembangunan negara maka diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membangunkan masyarakat Orang Asli itu sendiri supaya sama tahap, sama dia punya kemajuan dengan masyarakat-masyarakat lain yang ada. Dalam pada itu, kita juga berusaha dengan cara-cara lain. Selain daripada mengadakan program-program pembangunan sosio-ekonomi, mengadakan pendidikan pun tidak lagi diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, kita serahkan kepada Kementerian Pendidikan supaya pendidikan yang diterima oleh anak-anak masyarakat Orang Asli ini sama dengan pendidikan yang diterima oleh anak-anak masyarakat lain dalam negara kita.

Di samping itu, pada tahun 1997 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun melancarkan Skim Kampung Berkembar iaitu mana-mana kampung Orang Asli yang bersebelahan dengan kampung melayu sebanyak 26 pasang telahpun kita kenal pasti dijadikan Projek Kampung Berkembar supaya JKKK kedua-dua kampung ini dapat bekerjasama dan dapat bantu membantu dan dapat memajukan masyarakat kampung Orang Asli sama seperti masyarakat kampung Melayu yang di sebelah.

Jabatan diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sejak tahun 1990 dan usaha-usaha kita memang kita jalankan dengan berbagai-bagai program. Saya sendiri merasakan bahawa wanita Orang Asli itu perlu kita berikan kesedaran dan kita tingkatkan fahaman dan

pengetahuan mereka supaya pada hemat sayalah iaitu rasa saya Yang Berhormat semua setuju kalau wanita itu dimajukan, insya-Allah, keluarganya akan maju, anak-anaknya akan maju. Jadi kita telahpun melancarkan satu program yang dipanggil Penggerak Wanita Orang Asli yang menumpukan kepada kesihatan, pendidikan dan sosio-ekonomi dan kalau rasa saya dalam tiga bidang ini kita dapat memajukan wanita Orang Asli, insya-Allah, masyarakat mereka juga akan mendapat maju.

Mengenai sampai bila mereka hendak diasingkan, apa yang kita lakukan sekarang ini, kita sedang mengintegrasikan dan kita dapat lihat bahawa kampung-kampung Orang Asli yang dekat dengan pembangunan misalnya di kawasan saya di Gombak sana, yang sebenarnya Orang Asli sudah begitu berdikari. Mereka tidak lagi seperti Orang-orang Asli di pedalaman dan kadang-kadang tidak dapat hendak kenal, tanya Yang Berhormat Encik Long, tidak dapat hendak kenal Orang Asli kah, orang Melayu kah. Dengan cara itulah rasa saya kita dapat melaksanakan dan mungkin ada pula satu strategi lagi atau ada dasar lain, mungkin jabatan tidak diperlukan lagi, itu bergantung kepada keadaan dan pada masa yang sesuai. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, tadi ada menyebut bahawa perpindahan itu telahpun diberikan berhubung dengan rumah dan sebagainya. Adakah pampasan lain yang telah diberi kepada Orang-orang Asli ini? Selain daripada itu, berapa ramaikah anak-anak Orang Asli yang telah duduk di IPT ataupun pelajaran tinggi? Dan juga setengah-tengahnya telah berkahwin dengan lain daripada Orang Asli, orang luar, banyak juga orang Melayu kita di luar-luar berkahwin. Adakah status itu berubah terus jadi orang biasa, bagaimana keadaannya? *[Ketawa]*

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Pampasan ada, ada yang diberikan pampasan. Misalnya yang kes di Bukit Lanjan, ada yang dapat sampai RM300,000, RM400,000 dengan ada rumah, ada tabung amanah yang disediakan untuk mereka dan itu di antaranya. Di institusi pengajian tinggi sekarang ada 97 orang. Yang sudah lulus ada 100 lebih dan dalam berbagai-bagi profesion mereka sekarang ini. Yang kahwin dengan orang Melayu, ada, tetapi yang kita ada rekod kahwin dengan orang pendatang asing ada dalam 300 lebih. Ini kebanyakannya perempuan yang kahwin dengan pendatang yang lelaki. Dan status mereka tetap mengikut Akta 134, Akta Orang Asli, mereka yang berkahwin itu statusnya tetap tetapi yang pendatang itu tetap pendatanglah, dan anak-anaknya adalah juga masih Orang Asli. Kalau bapa atau ibu Orang Asli, anak itu masih Orang Asli dan rakyat Malaysia. *[Ketawa]*

#### **KADAR INFLASI MASA KINI - USAHA BAGI MENGURANGKAN**

2. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kadar inflasi pada masa kini dan tindakan yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengurangkan kadar inflasi semasa. Adakah kementerian menggalakkan jualan secara langsung (direct sales) oleh kilang-kilang untuk mendapatkan faedah oleh pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi negara berasaskan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah 4.6% bagi tempoh Januari – April 1998 berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Berbagai tindakan telah dan sedang diambil oleh kementerian ini untuk membantu mengurangkan kadar inflasi negara, antaranya:

- (i) mengawal harga 11 barang keperluan asas seperti gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum tertentu, simen, batang besi keluli bulat, ayam dan sebagainya;
- (ii) menggalakkan pengeluar atau pengimport menandakan harga runcit yang disyorkan pada barang-barang tersedia bungkus, selain harga runcit oleh penjual runcit supaya pengguna boleh membuat perbandingan harga dan perkiraan kasar keuntungan oleh peniaga;
- (iii) memantau kedudukan bekalan barang-barang kawalan bagi menentukan ianya mencukupi dan mudah diperolehi serta tidak berlaku *hoarding* atau *artificial shortage* yang bertujuan menaikkan harga untuk mengaut keuntungan yang lebih;
- (iv) mempertingkatkan pemeriksaan ke premis-premis perniagaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan apa jua bentuk penyelewengan dalam perniagaan, seperti menipu dalam timbang sukat, membuat iklan palsu atau yang mengelirukan; dan
- (v) mempertingkatkan program pendidikan kepada pengguna serta juga peniaga agar berusaha mengurangkan pembaziran, berhemat dalam berbelanja, menambahkan tabungan, membeli barangan buatan Malaysia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jualan barangan terus kepada pengguna oleh pengilang-pengilang, kementerian tidak menghalangnya. Malah semasa musim perayaan yang lalu bilamana kegawatan gula berlaku, kementerian ini telah membantu pengilang/pemborong gula menjual gula terus kepada orang ramai, iaitu secara besar-besaran di Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kecil-kecilan di negeri-negeri lain kecuali Sabah, Sarawak dan Pahang. Semasa itu juga, kementerian telah mengelolakan “Jualan Setempat” yang melibatkan pengilang-pengilang mempamer dan menjual terus barangan mereka kepada pengguna.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih. Tuan Yang di -Pertua, ada dua soalan tambahan. Apakah kementerian sedar dengan keadaan semasa ini banyak rungutan daripada kontraktor di negara kita yang mana bahan-bahan binaan yang di luar daripada kawalan kerajaan telah naik secara tidak menentu. Kenaikan bahan binaan selain daripada keluli bulat, simen dan sebagainya, kadang-kadang melebihi daripada 20-30%, sedangkan kontraktor yang sedang melaksanakan kerja sekarang ini terikat dengan kontrak yang dibuat dengan kerajaan. Dalam masa yang sama, kementerian sedar atau tidak, kelemahan kementerian untuk menetapkan indeks harga barangan ini dengan secepat mungkin kerana indeks harga sedikit sebanyak akan membantu dalam tuntutan para kontraktor kita.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di -Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan-bahan binaan seperti simen atau besi keluli bulat yang saya sebutkan tadi adalah barangan kawalan dan harganya ditetapkan oleh pihak kerajaan. Jadi sesiapa tidak boleh menaikkan harga tanpa kebenaran daripada pihak kerajaan dan di samping itu bahan-bahan binaan lain yang tidak dikawal, kementerian ini sentiasa menjalankan pemeriksaan atau kita selalu memantau kedudukan bekalan barangan-barangan binaan.

Jika berlaku kemungkinan kekurangan barangan, pihak kementerian ini akan mengambil tindakan seterusnya berbincang dengan pihak pengilang-pengilang atau pembekal -pembekal. Jadi, jika Ahli Yang Berhormat ada aduan mengenai harga ke atas barang-barang binaan yang dinaikkan harganya terlalu tinggi atau sewenang-wenangnya, Yang Berhormat bolehlah merujukkannya kepada kementerian ini.

Mengenai Indeks Harga Pengguna, sebenarnya bukan harga runcit yang ditetapkan ke atas barangan-barangan yang dijual. Sebenarnya, saya ingin menjelaskan bahawa metodologi Indeks Harga Pengguna (IHP) yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah berasaskan formula laspeyres ferric yang digunakan di seluruh dunia dan merupakan satu kaedah yang sudah terbukti (proven) sejak sekian lama dalam perkiraan IHP. Oleh itu, pengguna atau kontraktor jika hendak tahu harga-harga barangan binaan boleh selalu tengok

harga-harga yang ditetapkan oleh pihak peniaga dan mereka boleh membuat perbandingan harga dan membuat keputusan yang tepat.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah yang telah terjadi kepada program Inflasi Sifar yang telah diadakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, program-program mengenai Kempen Inflasi Sifar masih diteruskan dan terdapat banyak program dan aktiviti yang telah dijalankan seperti seminar, dialog, pertandingan di antara kelab-kelab pengguna sekolah, pameran dan lain-lain. Jadi, sambutannya adalah amat menggalakkan.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah semua barang kawalan, harganya ditetapkan oleh kerajaan kerana setahu saya barang-barang kawalan adalah di bawah Control of Supply Act, dengan izin dan barangan yang ditetapkan harga oleh kerajaan adalah under the Price Control Act, dengan izin.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang dikawal dari segi harga ada 11 jenis iaitu gula, tepung gandum, besi keluli bulat, simen, semua gred minyak petrol, minyak diesel, susu pekat manis dan gas petroleum cecair, roti, ayam dan minyak masak. Itulah 11 jenis barangan yang dikawal harganya, yang lain-lain tidak. Ada juga barangan yang dikawal apabila musim perayaan tiba, ada 25 jenis barangan dikawal di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan sebanyak 21 jenis barangan kawalan di kawal Akta Kawalan Bekalan 1961 juga.

### **PENCEGAHAN RASUAH – CADANGAN MEMASUKKAN DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN**

3. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah respon kementerian terhadap cadangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) agar pendidikan mengenai bahaya rasuah dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan peringkat sekolah menengah, kolej dan universiti.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa bersikap terbuka terhadap cadangan-cadangan yang berbentuk positif, terutamanya dalam memantapkan kurikulum pendidikan di negara ini. Isu mengenai rasuah dan gejala-gejala buruk yang lain telah pun dimasukkan dalam nilai-nilai murni yang diajar secara merentas kurikulum dalam semua agenda pendidikan di sekolah. Di samping itu juga ianya diajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dari peringkat rendah sehinggalah ke pusat pengajian tinggi.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Pendidikan Moral ataupun Pendidikan Islam pada pelajar-pelajar Islam, dulu kita ada sebelum mata pelajaran Moral atau Pengetahuan Islam ini ditekankan oleh kementerian dan kerajaan, kita dulu ada pengetahuan sivik dan nampaknya setengah dakwaan menyatakan pendidikan ilmu sivik ini lebih berkesan daripada kurikulum yang berlaku dalam subjek moral yang diajar sekarang ini di sekolah-sekolah. Apakah kementerian sedar ataupun bercadang supaya dapat menyesuaikan mata pelajaran Sivik kembali ke sekolah-sekolah.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan selalu menghormati maklum balas (feedback) daripada pihak ibu bapa dan pelajar supaya kita boleh mempertingkatkan kandungan semua mata pelajaran termasuklah mata pelajaran Pendidikan Moral. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji semula kandungan Pendidikan Moral supaya ianya boleh dijadikan satu mata pelajaran yang lebih menarik minat di kalangan pelajar-pelajar bukan Islam.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita ucapkan tahniah di atas keterbukaan Kementerian Pendidikan dalam mendengar rungutan dari orang ramai terutama dari segi kurikulum, nampaknya satu demi satu cuba dimasukkan, akhirnya kita dengar rungutan beg anak-anak kita terutamanya sekolah rendah lebih berat dan lebih besar daripada murid itu sendiri dan satu ketika menjadi isu.

Bagaimana pandangan Kementerian Pendidikan, adakah soal ini telah beres tentang masalah isu beg murid yang semakin berat?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau hendak ikut senarai buku-buku yang diperlukan setiap hari oleh pihak sekolah ini, memang beg itu tidak begitu berat tetapi oleh kerana pihak ibu bapa sangat khuatir, sangat prihatin tentang apa yang perlu diambil oleh anak-anak mereka supaya mereka lebih berkesan dari segi persaingan di sekolah itu, mereka pun tambahlah yang lain itu seperti buku-buku kerja tambahan, seperti buku-buku bacaan tambahan dan ada juga lain-lain dalam bentuk seperti buku rujukan dan sebagainya.

Namun demikian, pihak sekolah selalu menasihatkan pihak pelajar supaya setiap hari ambil sahaja buku-buku yang sebenar-benarnya yang diperlukan di sekolah itu dan kita juga bincang dengan pihak penerbit supaya buku-buku sekolah itu boleh diagihkan kepada dua atau tiga bahagian supaya buku yang perlu pada satu masa itu tidak begitu berat, kita boleh asingkan dalam dua, tiga bahagian dan apa juga cadangan yang kita dapati dari Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian Pendidikan amat menghargai dan kita akan kaji.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar tadi, pihak kementerian telah banyak menjawab berkaitan dengan rasuah dan gejala sosial. Walau bagaimanapun, masih lagi kita nampak belum begitu berkurangan antara murid-murid ini melakukan gejala sosial manakala dia dewasa ataupun remaja. Bagaimana peranan PIBG untuk menggalakkan ataupun berhubung dengan ceramah-ceramah yang diberi kepada ibu bapa supaya dapat menjaga sama berhubung dengan gejala sosial dan pencegahan rasuah ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai satu kumpulan pelajar yang merupakan bilangannya lebih dari 4.5 juta orang pelajar di sekolah-sekolah kita sebagai satu kumpulan, dengan izin, vast majority mereka dapati mengikuti mata pelajaran mereka dengan berkesan dan dengan izin, dia ada model students. Namun demikian, oleh kerana ada satu atau dua kejadian

luar biasa yang dikesalkan dan sehingga menjejaskan imej dan maruah semua pelajar.

Jadi, Kementerian Pendidikan selalu peka tentang masalah itu dan kita akan terus bekerjasama dengan semua pihak termasuklah pihak polis dan sebagainya supaya pihak-pihak yang kita tidak ingini tidak boleh mempengaruhi murid-murid di sekolah dan kita juga akan bekerjasama dengan pihak PIBG kerana pihak PIBG itu adalah amat penting dan kita haraplah kalau ada kes-kes di mana anak-anak mereka sendiri luar dari sekolah bercampur-gaul dengan pihak-pihak yang kita tidak ingini, dinasihatkan pihak ibu bapa boleh mengambil tindakan tegas dan boleh juga memberitahu kepada pihak sekolah supaya sekolah bersama dengan pihak PIBG boleh bersama-sama memikul dan mengatasi masalah gejala sosial dan masalah disiplin dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 4.

#### **MAHKAMAH KHAS - KES PENDATANG HARAM**

4. **Tuan Tee Thiong Hock [di bawah S.O.23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berniat mengadakan Mahkamah-mahkamah Khas untuk mengendalikan kes-kes pendatang haram dengan segera.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berniat untuk menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Khas untuk mengendalikan kes-kes pendatang haram kerana pendatang haram boleh dihantar pulang atau diusir keluar dari Malaysia tanpa perlu dihadapkan ke mahkamah melalui kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Imigresen oleh seksyen 31 atau 33 Akta Imigresen 1959 dan 1963, mengikut kehendak keadaan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa sempadan Malaysia/Sabah khususnya begitu luas sehinggakan apabila kita menghantar pendatang tanpa izin atau pendatang haram ke negara asal mereka, dalam dua, tiga bulan mereka akan

kembali ke Sabah atau ke Sarawak. Apakah tindakan kerajaan untuk menghukum mereka yang sering berulang-alik yang mana, saya rasa penghantaran ini menggunakan kewangan yang banyak, kemudian didapati berulang-ulang mereka datang dan kembali ke negeri Sabah. Apakah kita mempunyai tindakan khusus kepada mereka ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini patut ditujukan kepada Kementerian Dalam Negeri, ini cuma mahkamah sahaja untuk Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini pelbagai tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya tidak berulang lagi mereka yang telah dihantar pulang di mana kita telah mengadakan kawalan tentera yang mengawal kawasan yang luas ini dan kita faham bahawa ia tidak mencukupi tetapi sepertimana kita semua sedia maklum, masalah yang sebenarnya ialah masalah kita harus melihat daripada sumber penghijrahan mereka ke negara kita, sebab itu kita menyokong supaya negara seperti Indonesia yang menghadapi masalah ekonominya itu harus kita bantu untuk memastikan ekonominya akan pulih kerana apabila ekonominya akan pulih bermakna ia akan mengurangkan kedatangan orang-orang dari negara Indonesia ini ke dalam negara kita.

Undang-undang kita sudah mencukupi tetapi sepertimana kita semua maklum, lumrah dalam kehidupan ini undang-undang yang ketat macam mana sekalipun sentiasa ada ruang untuk mereka mencerooboh dan melakukan perkara memasuki negara kita tanpa izin. Walau bagaimanapun, kita sentiasa berikhtiar dan berusaha untuk memastikan supaya mereka ini dipulangkan ke negara asal mereka.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya hendak tumpang bertanya dengan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri berkenaan dengan mahkamah kita iaitu Mahkamah Perusahaan, mengapakah ianya tidak diletakkan di bawah satu centralised jabatan ataupun kementerian seperti Jabatan Perdana Menteri, ianya di bawah kementerian yang lain. Dan yang keduanya, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain Yang Berhormat ya. Luar daripada tajuk itu.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Ya, ya, sebab mahkamah-mahkamah ini. *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Dan yang kedua berkenaan dengan status mahkamah ini, apakah status Ahli-ahli Dewan Negara, apakah ia layak menjadi majistret ataupun lain-lain kuasa di mahkamah. Kalau tidak ada apakah status Senator ini sebagai pembuat dasar sahaja?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, majistret kelas dua ini selalunya kita lantik di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan itu merupakan mereka yang datang daripada eksekutif. Senator adalah legislative, jadi, saya kira tidak ada peluanglah Yang Berhormat Ahli Senator untuk dilantik menjadi majistret.

Soalan yang pertama tadi, Tuan Yang di-Pertua kata luar daripada tajuk asal.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekali pun lain daripada soalan boleh dijawab. Saya ingin hendak tahu bagaimana kisah Mona Fandey yang begitu lama dan satu kes yang panjang dan peristiwa yang begitu menggemparkan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain juga itu! Hal lain itu!

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Ada kaitan dengan mahkamah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, oh, betullah! *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak apalah saya jawab, fasal perkara ini public interest. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kes Mona Fandey ini masalahnya bukan masalah satu perkara yang sengaja dilengah-lengahkan, masalah sebenarnya ialah kerana perbicaraannya itu melibatkan begitu banyak pemberian bukti oleh saksi-saksi dan saya telah difahamkan iaitu bahawa untuk menyediakan dokumentasinya adalah terlalu memakan jumlah muka surat yang lebih dari 1,000 helai kertas dan

ini memerlukan sepertimana Ahli Yang Berhormat sendiri tahu iaitu hakim apabila ia mendengar perbicaraan, dia menulis dengan tangannya sendiri.

Jadi, sebab itu ia memakan masa yang lama kerana apa yang ditulis maka itulah yang menjadi sah sekiranya berlaku rayuan di peringkat rayuan nanti. Jadi, penyediaan ini memakan masa sedikit kerana ia melibatkan muka surat yang begitu banyak dalam soal dokumentasi ini, yang terpaksa ditaip dan bermacam-macam lagi.

Maka oleh kerana itulah ia memakan masa sedikit tetapi saya percaya sedikit masa lagi kita akan dapat tahulah kesudahannya.

### **BAHAN KIMIA FLUORIDA - KANDUNGAN DALAM UBAT GIGI**

5. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) berapakah kandungan maksimum bahan kimia fluorida dibenarkan dalam ubat gigi; dan
  - (b) berapa jenis ubat gigi dalam pasaran yang dikesan mengandungi bahan kimia fluorida yang berlebihan dan berapa orang telah didakwa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.**

**Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kebanyakan ubat gigi di pasaran negara Malaysia di dalam lingkungan 1,000 - 1,500 ppm, dengan izin, parts per million. Sekarang ini rakyat Malaysia juga ada pilihan untuk membeli ubat gigi dengan kandungan fluorida pada tahap 500-550 ppm untuk kanak-kanak di bawah umur enam tahun.
- (b) Setakat ini belum ada jenis ubat gigi yang didokumenkan mengandungi kimia fluorida berlebihan dan tidak ada pihak yang didakwa.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, fasal soalan saya tak naik, saya kena tumpang, Tuan Yang di-Pertua. Selain dari

ubat gigi, apakah kategori jenis gigi palsu yang ada di negara kita ini yang disediakan oleh dentist, dengan izin, kategori bahaya gigi-gigi palsu dan apakah jenis gigi palsu yang terbaik sekali yang ada di Malaysia. Terima kasih.

*[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis dari Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Tan Ek Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu maklumat bahawa adakah air paip kita mengandungi bahan kimia fluorida ini ataupun kalau ada berapakah kandungan maksimum untuk kesihatan rakyat jelata kita. Terima kasih.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, maksimum di negara kita, kita gunakan 1,000 ppm sahaja dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat ini yang diterima oleh WHO, inilah kadar yang kita gunakan.

**Tuan Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan ini merupakan public interest juga, walaupun ada sedikit kelainan daripada soalan asal. Pada hari ini saya menerima maklumat sembilan orang kanak-kanak mati di Grik, Perak mati disebabkan oleh penyakit 'pneumonia' dan 12 orang dimasukkan ke hospital disebabkan oleh penyakit taun di Gua Musang. Jadi, saya hendak tahu apakah tindakan kementerian sekarang ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang serius dan pegawai dari kementerian sedang menjalankan siasatan, kita belum mendapat laporan dari negeri Perak lagi dan bila kita mendapat laporan tersebut kita akan memberitahu Dewan yang mulia ini.

#### **GURU TERLATIH/SEMENTARA - KEPERLUAN TENAGA KERJA**

6. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah semua guru terlatih ditempatkan di sekolah-sekolah pada tahun ini. Berapakah guru sementara yang diambil untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di sekolah-sekolah.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, semua guru terlatih telah ditempatkan di sekolah-sekolah. Jumlah guru sandaran yang tidak terlatih (GSTT) yang telah diambil untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di sekolah-sekolah ialah seramai 4,090 orang.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara syarat apabila guru ini dilatih ialah mereka hendaklah menerima untuk ditempatkan di mana-mana tempat di seluruh negara. Apabila penempatan dikeluarkan, ada kalangan guru-guru pelatih ini atau guru-guru terlatih ini menolak terutama di pedalaman maka berlakulah kekurangan guru matematik, guru bahasa Inggeris dan guru sains.

Jadi, adakah kementerian berhasrat untuk menggubal kepada guru-guru wanita yang berkahwin mereka dikecualikan daripada ditempatkan di kawasan pedalaman. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kementerian Pendidikan sedar dan prihatin tentang masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah di luar bandar dan kita cuba sedaya upaya untuk menempatkan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah tersebut, namun demikian kita juga prihatin bahawa guru-guru mereka khususnya mereka yang sudah berkahwin itu manusia juga, kita juga menjaga kebajikan mereka dan kalau kita tempatkan guru-guru yang sudah berkahwin itu asingkan mereka dari suami mereka, ditempatkan mereka secara paksaan di tempat-tempat luar dari bandar, mereka tidak ada masa dan hanya sekali setahun sahaja berjumpa dengan suami mereka, saya rasa mereka juga tidak boleh berfungsi sebagai guru-guru yang berkesan.

Jadi, dalam konteks ini kita mesti menjaga kebajikan guru-guru juga dan kita akan cubalah sedaya upaya untuk mencari lebih ramai guru-guru lelaki yang lebih independent untuk ditempatkan di tempat-tempat tersebut. Tetapi malangnya bilangan lelaki yang ingin menceburi bidang profesion perguruan itu sekarang kurang sedikit dan kita akan cuba sedaya upaya untuk membanyakkan calon-calon lelaki supaya mereka boleh dijadikan sebagai guru-guru terlatih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah apakah cadangan kerajaan ke atas guru-guru sandaran yang begitu banyak, adakah kerajaan bercadang untuk memberi mereka latihan supaya mereka akan dapat diserapkan dalam perkhidmatan yang tetap.

Soalan yang kedua ialah terdapat juga bahawa beberapa orang guru sandaran yang telah bekerja begitu lama sehingga lebih daripada sepuluh tahun, apakah kedudukan mereka ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan selalunya berusaha untuk menempatkan guru-guru sandaran di maktab perguruan. Guru-guru sandaran ini diberi keutamaan khususnya mereka yang memenuhi syarat-syarat dan kita juga memberi kelonggaran dan syarat mereka yang tidak mempunyai kredit dalam bahasa Melayu kita izinkan mereka memasuki maktab perguruan, atau mereka yang melebihi dari had umur kita juga izinkan dan sebagainya kalau mereka mempunyai syarat-syarat yang asas. Ada sekumpulan guru-guru sandaran yang tidak memenuhi syarat-syarat yang kita tentukan untuk memasuki maktab perguruan, Kementerian Pendidikan akan mencari jalan lain seperti mengadakan Kursus Dalam Cuti (KDC) dan sebagainya untuk memberi latihan kepada guru-guru itu supaya akhirnya mereka juga boleh dijadikan sebagai guru yang terlatih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian lebih suka menggunakan tenaga guru sandaran atau guru sementara. Kerana saya rasa menggunakan guru sandaran/sementara dari dahulu sehingga sekarang tak habis-habis, sedangkan pihak kementerian boleh membuat anggaran awal menyediakan guru terlatih mengikut pendaftaran pelajar.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan selalunya membuat unjuran, membuat jangkaan atas keperluan bilangan guru-guru, tetapi dalam keadaan tertentu memang adanya keperluan untuk guru-guru sandaran seperti kalau dalam satu tahun ada lebih ramai yang mengambil option bersara atau resign, dengan izin, jadi kekosongan itu perlu kita isi dan juga ada masa-masa tertentu guru-guru yang mengambil cuti bersalin, cuti

belajar, cuti atas alasan kesihatan dan sebagainya, semuanya itu susah kita hendak jangkakan. Jadi, semua alasan itu kita gunakan guru-guru sandaran. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan cuba sedaya upaya untuk mengatasi, tetapi dari segi dasarnya memang kita mahu menggunakan guru-guru yang terlatih dan kita jangka bahawa pada satu masa dan ketika apabila cukupnya guru-guru terlatih, kita tidak akan perlukan guru sandaran.

Namun demikian, dalam keadaan tertentu ada banyak kejadian yang kita tidak boleh jangkakan dan dalam situasi seperti itu memang kita izinkan sekolah-sekolah menggunakan guru sandaran.

### **LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE SUDAN - SEKTOR PERTANIAN**

7. **Puan Hajah Hunaizah binti Haji Mohd. Noor** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang menghantar rombongan rasmi lawatan sambil belajar ke negara Sudan, negeri yang kering kontang tetapi kini telah berjaya di bidang pertanian, bukan sahaja penghasilan untuk keperluan makanan tempatan dan sebagainya, malahan menjadi pengeksporth bahan-bahan pertanian. Jika ada, apakah rancangan dan tindakan yang akan dilaksanakan, jika tidak, apakah sebabnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak Kementerian Pertanian belum bercadang untuk menghantar rombongan rasmi lawatan sambil belajar ke negara Sudan untuk mempelajari sektor pertanian di negara tersebut memandangkan prioriti tanaman di Malaysia adalah berlainan daripada yang diusahakan di Sudan seperti kapas, tebu dan tanaman biji-bijian semusim, dengan izin, perennial crop, seperti sekoi, gandum dan bali.

Walau bagaimanapun, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pertanian sememangnya sentiasa peka terhadap perkembangan-perkembangan dan selalu mengambil maklum mengenai ciri-ciri dalam aspek pertanian yang boleh dipelajari dari mana-mana negara sekiranya ia memanfaatkan sektor pertanian di negara ini.

Kerajaan telah menggalak peningkatan kerjasama dan perdagangan dengan negara Sudan termasuklah bidang pertanian terutama sekali selepas lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke republik itu baru-baru ini.

### **KAWASAN PELANCONGAN DI NEGERI JOHOR - MEMAJUKAN**

8. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah apa-apa cadangan tertentu untuk memajukan kawasan pelancongan di negeri Johor agar dapat menarik pelancong yang datang dari Singapura.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya negeri Johor telah pun menjadi destinasi utama bagi pelancong-pelancong dari Singapura. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus memajukan kawasan-kawasan pelancongan di negeri Johor bagi menarik lebih ramai pelancong yang datang dari Singapura. Di antara cadangan tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) Membangunkan Johor Bahru sebagai pusat membeli-belah yang menarik yang menawarkan beraneka jenis barangan dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif, menyediakan kemudahan untuk berekreasi dan meningkatkan kemudahsampaian.
- (b) Membangun dan mempertingkatkan infrastruktur perhubungan terutamanya di pantai timur Johor yang kaya dengan alam semula jadinya seperti taman hutan, taman laut, pantai dan pulau.
- (c) Mempertingkatkan keperluan dan kemudahan asas pelancong seperti penginapan, makanan dan minuman, membeli-belah, lawatan dan hiburan seperti pertunjukan kebudayaan dan kesenian.

- (d) Membangunkan industri kecil dan sederhana yang berasaskan kepada pertanian (agrotourism) terutama di pantai barat Johor.
- (e) Membangunkan pelbagai aktiviti berasaskan kepada kekuatan produk seperti aktiviti air di pantai dan di pulau, aktiviti pengembaraan di hutan dan di gunung dan aktiviti tinggal bersama keluarga (homestay) di kawasan pelancongan berasaskan pertanian (agrotourism).
- (f) Melaksanakan pelbagai acara berdasarkan kepada keunikan produk dan aktivitinya.
- (g) Memperkukuhkan aktiviti perkhidmatan yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan keselesaan pelancong.

Di samping itu, kementerian telah juga memasukkan Johor Bahru sebagai salah satu daripada 12 destinasi pelancongan yang dipromosikan di luar negara.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen adalah dari Negeri Sembilan, Tampin adalah di Negeri Sembilan. Sekarang saya menyentuh negeri kita iaitu Port Dickson. Port Dickson ada pantai yang cantik dan tidak kurang cantik daripada Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua pernahkah pergi ke Port Dickson? *[Ketawa]* Sekarang cantik! Oleh kerana Port Dickson ini dekat dengan KLIA, jadi kerajaan negeri telah mencantikkan Port Dickson dan di sepanjang pantai telah didirikan kondominium di situ. Jadi, saya hendak tanya kepada kementerian sama ada kementerian berniat untuk memajukan Port Dickson atau tidak, juga saya diberitahu oleh Tourist Central, para pelancong dari luar negara akan dihantar ke Genting Highlands, kemudian last day akan dihantar ke Port Dickson kerana Port Dickson dekat dengan KLIA supaya boleh dihantar mereka dengan cepat ke lapangan terbang.

Oleh kerana itu, Port Dickson adalah amat penting untuk tourism, sama ada kementerian berniat untuk menjadikan Port Dickson sebuah pusat pelancongan

dari luar negeri, kalau tidak ada niat saya cadangkan pada hari ini. Sekian.  
*[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sebagai salah sebuah kementerian bagi Kerajaan Pusat berniat untuk membangunkan produk-produk pelancongan di seluruh negara termasuk juga Port Dickson. Tak perlulah sebut Tampin itu ya. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat dari soalan asal, apakah peruntukan yang diberi kepada negeri Johor, kita beri Johor untuk Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM22.7 'bilion' untuk dibelanjakan mem-bangunkan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bilionkah atau million?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Million, minta maaf saya. Banyak sangat 'kosong'nya itu, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Oleh yang demikian, belanjawan negara pun tak sampai tiga kali ganda daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, RM22.7 million. Pokoknya ada keperluan dan permohonan daripada negeri itu untuk dibincangkan dan diangkat ke Pusat. Oleh yang demikian, kalau ada mana-mana tempat yang patut dibangunkan, patut diangkat cadangan itu ke kementerian dan kementerian boleh mengangkatnya lagi kepada pihak yang berkaitan untuk diluluskan sebagai pembangunan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia kita.

Kementerian juga ada membuat promosi untuk menggalakkan pelancong-pelancong luar negara datang ke Port Dickson. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelancong-pelancong luar negara ini kadang-kadang dia lebih tahu negara kita ini daripada kita sendiri, tempat-tempat yang mereka hendak lawati itu dengan meminta pelbagai maklumat sama ada dalam bentuk bertulis atau lisan ataupun dokumentarinya. Kita cuba membuat promosi membawa pelancong-pelancong datang ke Port Dickson, tetapi sesudah kita laksanakan beberapa tahun, kurang sambutan. Cuma yang suka datang ke Port Dickson adalah pelancong-pelancong daripada negara Eropah Timur. Kita pun tidak tahu mengapa sebabnya begitu, tetapi kebanyakan yang mengambil pakej-pakej dan pergi ke Port Dickson salah satu destinasiya ialah kumpulan daripada Eropah Timur seperti Yugoslavia, Checkoslovakia, Hungary, pelancong-pelancong begitu. Kalau kita lihat

pelancong-pelancong daripada England, Perancis, Italy, mereka tidak berminat hendak pergi ke Port Dickson kerana mereka tahu keadaan yang sebenarnya, kadang-kadang lebih tahu daripada kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, memang saya akui tanggungjawab kita bersama untuk memajukan sesuatu pantai itu dan saya akui Port Dickson memang ada daya tarikannya, ada unsur-unsur tarikannya, tetapi unsur-unsur tarikan sahaja kalau tidak diperbaiki dan dinaiktahapkannya supaya secara perbandingan dia dapat menyaingi tempat-tempat lain yang menawarkan keadaan yang sama, kegiatan yang sama, sudah tentu pelancong-pelancong akan membuat pilihan. Kepada pelancong-pelancong luar negara, pilihan mereka adalah satu dunia, bukan sahaja terhad antara Port Dickson atau Tampin sahaja. Itulah jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan nombor 9.

#### **PULAU BATU PUTEH - PENYELESAIAN**

9. **Tuan Yim Chee Chong [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setelah Perdana Menteri Singapura melawat Malaysia sejauh manakah perhubungan baik antara kedua-dua negara dapat dipulihkan dan bagaimanakah kedudukan Pulau Batu Puteh telah ada penyelesaian atau sebaliknya.

#### **Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:**

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri Singapura telah mengadakan lawatan ke Malaysia pada 17-18 Februari 1998 dan semasa lawatan beliau tersebut satu mesyuarat dua hala telah diadakan, di mana kedua-dua Perdana Menteri telah membincangkan pelbagai perkara yang melibatkan hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Adalah perlu dinyatakan bahawa usaha sedang dijalankan untuk menyelesaikan isu-isu yang tertangguh dengan pihak Singapura. Walau

bagaimanapun, ianya memakan masa yang agak lama kerana melibatkan pelbagai aspek polisi dan juga hubungan Malaysia-Singapura secara menyeluruh.

Malaysia dan Singapura telah mempersetujui draf perjanjian khas untuk mengemukakan kes Pulau Batu Puteh, Middle Rocks dan South Ledge ke Mahkamah Pengadilan Antarabangsa. Perjanjian khas ini, selepas ditandatangani akan melalui proses ratifikasi di negara masing-masing sebelum dikemukakan ke Mahkamah Pengadilan Antarabangsa.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan di Kanada bahawa negara-negara ASEAN sudah sepakat dalam pemantauan kadar perdagangan wang antarabangsa dan perubahan-perubahan yang berlaku supaya kita dapat mengatasi segera masalah ekonomi yang berjangkit-jangkit di Asia Tenggara. Apakah kita ada persefahaman dengan Singapura, umpamanya, dari segi dasar monetary (kewangan). Sekarang ini, umpamanya, interest rate di Singapura terlalu tinggi berbanding dengan negara-negara sekitar yang menarik wang dana daripada negara jiran ke Singapura dan menjejaskan ekonomi negara-negara sahabat sekitar. Tidakkah perkara-perkara ini dapat menjejaskan hubungan di antara negara khususnya antara Malaysia dan Singapura dan bagaimanakah dapat diperbaiki dasar-dasar yang menjejaskan sahabat seperti ini.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, di antara negara-negara ASEAN kita ada kerjasama dari segi usaha-usaha untuk memulihkan keadaan ekonomi di rantau ini dan kata sepakat untuk kita sama-sama mencapai pemulihan dengan berkesan. Perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini memang kita berharap bahawa kemungkinan Kerajaan Singapura sedar kesan-kesan usaha ini kepada kedudukan pemulihan ekonomi dan kita berharap perkara ini dapat dikaji semula dan boleh dirundingkan di antara kerajaan supaya kesan-kesan yang tidak menggalakkan pertumbuhan atau pemulihan kembali ekonomi rantau ini dapat dikurangkan untuk kita berusaha menguatkan lagi persefahaman negara-negara rantau ini dalam jangka panjang dengan mengharap kita mendapat hasil yang lebih baik dengan perhubungan kita di

masa yang akan datang dan juga dalam jangka panjang dan kita berharap perkara-perkara seperti ini dapat juga dibincangkan di peringkat dua hala.

**PERUSAHAAN PETROLEUM DI IRAN –  
KEDUDUKAN SEBENAR**

10. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) kedudukan sebenarnya yang sedang berlaku terhadap perusahaan petroleum Iran di mana Petronas ada melibatkan diri; dan
  - (b) adakah Malaysia tertakluk dengan undang-undang penerokaan petroleum yang digembar-gemburkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Iran mempunyai simpanan minyak yang kelima terbesar dan simpanan gas yang kedua terbesar di dunia. Iran juga merupakan negara pengeluar minyak kedua terbesar di kalangan negara-negara OPEC dan pengeksport minyak mentah ketiga terbesar dunia. Aktiviti-aktiviti carigali dan pengeluaran minyak sedang giat berjalan di Iran dengan penglibatan syarikat-syarikat petroleum antarabangsa, termasuk Petronas yang mempunyai kepentingan sebanyak 30 peratus di dalam projek medan minyak Siri A dan E dan kepentingan sebanyak 30 peratus dalam projek medan gas South Pars.
- (b) Malaysia tidak tertakluk dengan sekatan pelaburan dalam industri petroleum Iran di bawah Iran-Libya Sanctions Act 1996, dengan izin, atau Akta Sekatan Iran-Libya Tahun 1996 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Amerika syarikat.

Pada 19 Mei 1998, Presiden Amerika Syarikat telah mencapai persetujuan dengan Kesatuan Eropah (European Union) untuk mengetepikan sekatan terhadap konsortium yang diketuai

oleh syarikat Total dari Perancis serta rakan-rakannya, Gazprom dari Rusia dan Petronas yang terlibat dalam sektor tenaga di Iran.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum soalan tambahan kita mengucapkan berbilang tahniah kepada kerajaan dan Petronas yang telah berjaya meletakkan nama kita dalam projek-projek raksasa di luar negara walaupun ditentang hebat oleh negara Amerika. Soalan saya ialah dalam program mengantarabangsakan pembangunan petroleum melalui Petronas, apakah rancangan Petronas sama dengan rancangan seperti syarikat-syarikat gergasi Jepun dan Korea apabila dia pergi membuat penerokaan kepada industri minyak dan gas ini seperti berlaku di Malaysia mereka membawa second liners, dengan izin, syarikat-syarikat supporting daripada negara mereka dan oleh kerana negara kita masih dalam proses membangun, apakah rancangan kita untuk made in Malaysia, dengan izin, barangan yang berkaitan dengan industri minyak dan gas ini untuk dieksport bersama-sama dengan projek penerokaan yang dijalankan oleh Petronas.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, Petronas sedang giat dalam eksplorasi minyak dan gas di negara-negara seperti Vietnam, Sudan, Zambia dan banyak lagi negara-negara CIS dan selain daripada itu Petronas juga ada membawa syarikat-syarikat seperti MMC dan juga syarikat-syarikat lain yang dimiliki oleh warganegara Malaysia dalam bidang minyak dan gas dan Petronas dalam usaha mereka mengeluarkan produk-produk petroleum di negara ini, 'made in Malaysia' seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, sudah berjalan dengan lancar dan Petronas mempunyai anak syarikat yang dibelinya di Afrika Selatan dan kita berharap menerusi down stream activities, dengan izin, kita dapat menjualkan produk-produk yang dikeluarkan oleh Petronas di negara ini.

#### **SKIM AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 – PENYERTAAN BUMIPUTERA DI SARAWAK**

11. **Datuk Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kewangan menjelaskan jumlah bumiputera Sarawak mengikut suku kaum yang telah menyertai Skim

Amanah Wawasan 2020 sehingga 31 Disember 1997 dan sebutkan jumlah pelaburan mereka. Apakah pula langkah-langkah susulan bagi menggalakkan lebih ramai bumiputera Sarawak menyertai skim tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak dilancarkan pada bulan Ogos 1996 sehingga 31 Disember 1997, terdapat seramai 276,784 orang pelabur bumiputera Sarawak menyertai Skim Amanah Saham Wawasan 2020 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM264.4 juta. Pecahan mengikut suku kaum adalah seperti berikut:

<b>SUKU KAUM</b>	<b>JUMLAH MELABUR</b>	<b>JUMLAH PELABURAN</b>
Melayu	221,266 orang	237.258 juta
Kadazan	6,720 orang	9.534 juta
Iban	6,144 orang	5.000 juta
Bajau	2,085 orang	1.299 juta
Bidayuh	1,835 orang	1.056 juta
Malanau	1,832 orang	1.084 juta
Murut	536 orang	0.429 juta
Orang Asli	413 orang	0.237 juta
Suku kaum lain	5,963 orang	7.788 juta
<b>JUMLAH</b>	<b>276,784 orang</b>	<b>264.396 juta</b>

Amanah Saham Nasional (ASNB) akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan penyertaan pelabur di dalam skim ini di samping skim-skim yang lain yang diuruskan olehnya seperti kempen berterusan sama ada di bandar atau di kawasan pedalaman serta bengkel pelaburan dari masa ke semasa.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, cuma barangkali saya mohon penjelasan sebab yang ditanya di sini mengenai dengan negeri Sarawak. Jadi, tersebut juga suku Bajau dan Kadazan yang saya rasa ianya hanya terdapat di negeri Sabah. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Ini slight efficient. *[Ketawa]*

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut sedikit Amanah Saham Nasional. Berlanjutan dengan itu saya ingin bertanya, dalam keadaan kegawatan ekonomi kita menggalakkan orang melabur dan sebagainya, apakah tidak kerajaan memikirkan untuk menaikkan lagi had untuk pelaburan Amanah Saham Nasional dengan memberi galakan dan insentif sampingan yang lain.

Soalan keduanya ialah dengan adanya beberapa unit program amanah saham di beberapa negeri dan dalam menghadapi kegawatan ekonomi, kita merasakan bahawa keupayaan untuk membayar dividen agak tergugat. Ini mempunyai implikasi politik yang panjang dalam masa kita menghadapi rakyat. Jadi, apakah perancangan kementerian untuk menolong membantu ataupun mengawal selia hal ini?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kita ada tiga amanah saham yang dikendalikan. Pertama, Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Wawasan 2020. Kalau kita tengok Amanah Saham Nasional, kita katakanlah 'hypothetical' dividennya diberikan 11% setahun, jadi kalau misalnya Yang Berhormat Dato' Ghazi masuk bulan 10, dia dapat juga 11% dikira daripada bulan Januari hingga ke akhir tahun. Kalau masuk Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan 2020, kalau Dato' Ghazi masuk bulan 10 misalnya, ia akan dikira pada bulan itu hingga Disember sahaja. Jadi, inilah insentif yang kita berikan kepada Amanah Saham Nasional kalau dibandingkan dengan Amanah Saham Wawasan 2020 ini.

Walau bagaimanapun, kalau kita tengok Amanah Saham Wawasan 2020, peruntukan dana yang kita beri ialah sebanyak RM3 bilion tetapi dana terkumpul sehingga kini ialah RM1.6 bilion sahaja dan bakinya sebanyak 53.64% untuk bumiputera. Yang bukan bumiputera kita peruntukan iaitu keseluruhan, yang bumiputera 51% ya, kita dapati RM1.5 bilion sahaja. Dana terkumpul bumiputera RM330 juta yang dibeli daripada dana yang kita khaskan RM1.5 bilion dan dana

terkumpul daripada bumiputera ialah 21.61% sahaja. Maknanya bumiputera tidak banyak melabur dibandingkan dengan peruntukan yang bukan bumiputera yang kita peruntukan RM1.4 bilion, iaitu 49% daripada keseluruhan rakyat di negara kita, dana terkumpul bukan bumiputera ialah RM1.2 bilion, jadi maknanya yang sudah pun dicarumkan ialah sebanyak 86.99% kalau dibandingkan dengan orang Melayu, bumiputera hanya 21.61% dan dengan cara ini kita hendakkan kalau boleh nanti insentif ASN sudah diberi, kerana dia fluctuate dan dulu kita kata bumiputera yang ada ASN secara tidak langsung nanti kita beri dia secara automatik ke ASB – mana yang tidak mahu dividennya mengikut harga pasaran.

Untuk Amanah Saham Wawasan 2020, ia terjumlah kepada pelabur-pelabur di antara 12 tahun hingga 30 tahun. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan bagi Jawab Mulut sudah pun cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 40 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN) 1997

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [27 Mei 1998]

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz menyambung ucapan.

**3.45 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan yang telah pun dibuat semalam, menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan 1966 yang dibawa oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang dengan pindaan berkenaan dengan Akta Pertubuhan 1966 ini menunjukkan kerajaan amat prihatin dan proaktif untuk menentukan semangat kesukarelawan warga negara Malaysia yang menyertai pertubuhan-pertubuhan bagi sebenarnya sebagai, dengan izin, complement kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan kerajaan semata-mata untuk menyelesaikan isu-isu semasa yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat kita. Kita dapati kebanyakan pertubuhan ini mempunyai objektif tertentu tetapi malangnya ada di kalangan pertubuhan ini berselindung di bawah objektif sebenarnya. Di sinilah sepatutnya pihak kerajaan terpaksa mengawasi dengan rapi menerusi sistem maklumat yang terperinci, seperti yang saya sebutkan semalam menerusi networknya, cara-cara yang pihak kerajaan buat memang hebat – dapat mengumpulkan maklumat-maklumat aktiviti pertubuhan dan setelah mendapat maklumat ini bertindak dengan cepat dan segera supaya kita dapat membendung kegiatan-kegiatan pertubuhan ini agar tidak melimpah di luar sempadan yang boleh menjejaskan negara kita.

Kita dapati pada masa negara berdepan dengan pelbagai kegawatan – kegawatan ekonomi, kegawatan cuaca dan sebagainya, ada disebut di dalam surat-surat khabar, media-media massa yang mengatakan kemungkinan dua pertubuhan

di negara kita ini yang menyampaikan maklumat palsu kepada media di United Kingdom, *The Independent* dan *Observer*, saya difahamkan dan juga *BBC* telah memetik beberapa isu yang mengatakan pihak polis kita meracun warganegara asing yang diletakkan di tempat-tempat transit sebelum dipindahkan ke negara-negara masing-masing. Kita hendak tahu daripada pihak kerajaan setelah perkara ini berlaku begitu lama, apakah pertubuhan-pertubuhan ini dan siapakah yang menganggotainya.

Berasaskan kepada penyelidikan pihak kerajaan, saya yakin pihak kerajaan sudah mungkin tahu. Kita hendak tahu kerana kita tahu di sinilah letaknya penganiaya negara – menggunakan pertubuhan-pertubuhan, berselindung di sebalik pertubuhan-pertubuhan semata-mata dengan niat jahat untuk menjatuhkan imej negara, untuk memporak-perandakan negara kita dengan negara jiran. Bayangkanlah manusia semacam mana yang hendak meracun sesama manusia dan di sini jelas sekali niat dan nawaitu pertubuhan ini terpaksa diawasi supaya mereka dapat dibendung dan kalau kita tahu siapa, dan saya tahu pihak kerajaan mungkin sudah tahu – kita terpaksa mengambil tindakan yang amat tegas kepada pertubuhan dan juga pemimpin-pemimpin yang berkaitan dengan pertubuhan itu.

Pada masa kita berhadapan dengan kegawatan cuaca, saya dapati tidak banyak pertubuhan yang kononnya merupakan ‘champion’ kepada alam sekitar berdepan dengan keadaan yang sebegitu rupa, memberikan kerja-kerja sukarelawannya kepada pihak kerajaan, baik daripada pertubuhan dunia yang cinta kepada alam mahupun pertubuhan di negara kita yang kononnya cinta kepada alam tetapi pada masa yang kita benar-benar memerlukan buah fikiran dan tenaga mereka dan mungkin kewangan mereka, tidak seorang pun tampil ke hadapan sebagai ‘pahlawan’ untuk mengatasi masalah-masalah El-Nino dan La-Nina yang saya pernah sebutkan di sini, di mana kita dapati di Pahang dan di mana-mana sahaja asap keluar daripada bumi kerana di bawahnya ada peat soil, dengan izin, banyak terbakar kerana kepanasan dan pada masa yang sama bila datang pula La-Nina, hujan turun di merata-rata tempat. Di mana peranan badan-badan pertubuhan

yang kononnya cinta kepada alam untuk berdepan dengan masalah ini bersama-sama dengan bomba kita atau mana-mana pihak sekalipun?

Dan di mana pula peranan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi agensi-agensinya yang mempunyai kemungkinan berbilion-bilin ringgit dari segi peruntukan. Saya tidak tahu, saya hendak tanya pihak kerajaan, berapa banyak kita terima daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang sayang kepada alam sekitar kita ini menunjukkan keprihatinan mereka dengan melaksanakan bersama-sama kita mengatasi masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, di negara kita, kita dapat tahu kita mempunyai sahabat alam – Persatuan Alam Semulajadi Malaysia (Malaysian Nature Society) dengan izin, dan banyak lagi pertubuhan yang bersangkutan-paut dengan alam sekitar ini. Tampillah ke hadapan, gunakanlah semangat kesukarelawan untuk membantu pihak kerajaan mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga memerhatikan bagaimana pertubuhan-pertubuhan diberikan keupayaan mengupayakan warganegara menjalankan tugas, empowerment, dengan izin, supaya ahli-ahli masyarakat yang tidak menganggotai institusi-institusi kerajaan dapat memainkan peranan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu tertentu. Kita banyak berdepan dengan isu-isu sosial, misalnya, anak-anak ketinggalan. Kita ada Cheshire Home, misalnya, kita ada Pertubuhan Anak-anak Yatim tetapi kita tidak mahulah apabila mereka ini merayau di seluruh negara memungut pelbagai peruntukan dan imbuhan dan juga yuran dan permintaan kewangan diberi oleh wakil-wakil rakyat – saya tahu Dato' Ghazi banyak memberi kepada Pertubuhan Anak-anak Yatim – kita tidak mahulah apabila duit ini dikumpulkan dengan niat yang baik, dengan tujuan yang baik untuk menentukan anak yatim ini mendapat keselesaan – penghidupan di asrama dengan katil yang teratur, makanan yang tersusun, guru-guru yang memberi tutorial classes, dengan izin, dan sebagainya tetapi kadangkala duit yang dipungut ini disalahgunakan. Ini sebenarnya mereka yang menderhaka kepada anak-anak yatim.

Jadi, kita hendak tahulah setakat ini berapa ramai, berapa banyak pertubuhan seperti ini yang telah pun menyalahgunakan punca kewangan yang sepatutnya kita

gunakan untuk anak-anak yatim, misalnya tetapi lesap begitu sahaja. Jadi, saya memohon pihak kerajaan, dengan adanya sistem pungutan maklumat daripada pertubuhan-pertubuhan ini dapat dengan segera bertindak. Kalau lambat sangat semakin banyak habis, lepas itu kita tengok pegawai-pegawai yang dipilih untuk menganggotai pertubuhan ini pun sudah hilang, susah pula kita hendak mencari keyakinan daripada orang ramai apabila hendak menderma dan sebagainya. Jadi, kita tidak mahu orang ramai terhakis kepercayaan kepada pertubuhan-pertubuhan yang suci dari segi niatnya tetapi adanya segelintir manusia yang tidak berhati perut menyalahgunakan kedudukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya terhadap rang undang-undang ini dan saya mintalah supaya dapat pihak kerajaan benar-benar mengawasi persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan ini supaya tidak tergelincir daripada objektifnya dalam kegiatan-kegiatan yang hendak dibuat. Kalau sekiranya pertubuhan tidak menjadi pula badan politik, kalau ianya pertubuhan dengan nawaitu dan objektif tertentu tidak terpesong kepada niat-niat lain.

Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

**3.53 ptg.**

**Dato' Mohd. Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Pertubuhan 1966. Sebenarnya saya amat bersetuju dengan rakan-rakan saya yang sebelum ini khususnya Yang Berhormat Senator Puan Kamilia dan yang baru lepas Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dalam pandangan-pandangan mereka mengenai kedudukan sebenar aktiviti-aktiviti pertubuhan yang ada.

Saya ingin menambah beberapa perkara yang saya rasa amat mustahak tetapi sebelum dari itu saya hendak membangkitkan isu baik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Kamilia mengenai kertas-kertas yang diedarkan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dari segi

formatnya. Saya bersetuju, malah saya ingin menambah, bukan setakat format itu sahaja yang saya bersetuju dikata mengelirukan orang biasa macam saya ini. Saya cuba hendak memahami tentang huraian, agak berat tetapi saya rasa penyampaian yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada sayalah, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, tidak salah kalau dijadikan juga edaran kepada ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Saya perhatikan keseluruhan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga diedarkan, almost full text, dengan izin, jadi pada saya walaupun terakhir diberi tetapi pada saya terakhir pada hari yang sama – kalau pun berniat untuk ‘embargo’, untuk sebab-sebab yang tertentu, saya rasa Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak keberatan untuk menerimanya kerana daripada itulah kita boleh menerima dan memahami dengan bahasa yang biasa dan penyampaian itu baik dan kita boleh me‘response’kan dengan agak lebih berkesan dan bermakna lagi. Itu satu perkara.

Perkara yang keduanya ialah saya cuba untuk hendak mengikuti dan membuat persediaan-persediaan tertentu mengikut senarai jadual kertas-kertas dan rang undang-undang yang diberi tetapi kadang-kadang saya dapati ikut hari yang berikut susunannya itu ditukar, jadi bila kita sedia – katalah Rang Undang-undang Pertubuhan umpamanya, saya tidak mahu khusus. Hari ini kita pun bawa sedikitlah macam bawa ke sekolah, kita tidak mahu bawa beg banyak-banyak. Bila datang ke sini hari yang berikutnya kertas lain pula yang dibangkitkan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini, dari satu segi keliru kita membawa, keduanya yang lebih agak sama buruknya ialah persediaan kita sudah berlainan tetapi kita juga ingin mengambil bahagian. Oleh kerana itu mungkin mutu ucapan kita semasa mengambil bahagian dan isinya pun agak terganggu. Saya memahami bahawa kadang-kadang ini terpaksa dibuat tetapi kalau boleh saya merayu supaya ini dapat dielakkan, macam mana pun supaya perancangan yang diberi, disusun itu kita mengikuti supaya persediaan kita juga bergerak bersama.

Perkara lain Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebut ialah hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz banyak mengenai

penyelewengan badan-badan tertentu khususnya badan-badan yang dilihat sebagai mendapat bantuan daripada luar negara. Saya cuba memahami kedudukan sebenar jawatan Pendaftar Pertubuhan, jawatan Pendaftar Syarikat dan sebagainya. Saya perhatikan bahawa mengikut fahaman saya mungkin jawatan Pendaftar Syarikat itu lebih tinggi dan banyak kuasanya daripada Pendaftar Pertubuhan. Kalau saya salah, tolong betulkanlah. Tetapi, yang saya melihat sebagai kekosongan ialah apakah bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan ini agak menyeluruh sehingga ia boleh mengawal selia badan-badan yang kita cakap ini? Kalau badan-badan yang kita cakap, yang telah disampaikan oleh rakan-rakan saya sebelum ini, permasalahan itu saya bersetuju tetapi yang saya bimbang ialah bidang kuasa untuk mengawal selia ini mungkin tidak mencukupi, juga kakitangan yang ada pun mungkin tidak mencukupi.

Oleh kerana itu, walau banyak mana pun kita kemas kinikan dari segi rang undang-undang tetapi jikalau badan yang hendak mengawal selia itu agak terhad, termasuk dengan kuasa-kuasanya dan kemudahan-kemudahan yang lain, saya rasa niat itu tidak sampai. Samalah saya buat andaian pada Pendaftar Syarikat ada badan lain untuk mengawal selia fiil ataupun perjalanan syarikat yang berdaftar dan yang tidak didaftar, yang disenaraikan dan yang tidak disenaraikan. Kalau yang disenaraikan ada KLSE dan badan lebih besar dan lebih hebat dan menyeluruh payung kawalnya ialah Securities Commission, dengan izin.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh kerana itu, mungkin sama ada kita meluaskan lagi bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan ini ataupun kita hendak mewujudkan badan kawal selia yang lain untuk melihat pertubuhan-pertubuhan ini. Kerana dalam zaman kecanggihan ini, dalam zaman kita cakap global village atau perkampungan global ini, aktiviti pertubuhan-pertubuhan yang seperti ini amat hebat sekali. Jadi, kalau sekiranya aktiviti mereka hebat, dihebatkan lagi hubungan mereka dengan badan-badan di luar negara, tetapi di peringkat kawalan kita tidak kemas kini, maka inilah terdapat kekosongan dan ketempangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah mengenai Fasal 53A dan 54A iaitu mengenai penalti kerana menunjukkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang dibatalkan. Mengikut pindaan ini, yang telah disebut dikenakan denda tidak lebih daripada RM2,000. Dalam masa kita bercakap tentang kesan buruk mengenai perkara-perkara tidak baik yang dibuat oleh mereka, tetapi bila kita pinda hanya setakat tidak lebih daripada RM2,000, saya rasa RM2,000 dalam zaman sekarang adalah terlalu amat kecil. Badan yang mendapat sokongan dari luar negeri khususnya sokongan dana melihat RM2,000 ini seperti 2 sen. Oleh kerana itu, saya ingat kita kena meningkatkan lagi had kena bayaran ini kepada angka yang lebih munasabah, yang lebih bersesuaian. Saya tidak tahu sama ada RM10,000 atau RM20,000, tetapi sudah pasti RM2,000 ini adalah terlalu amat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 54A iaitu juga mengenai penalti kerana memberikan maklumat palsu. Bab maklumat palsu secara khusus dibincangkan oleh Ahli Yang Berhormat yang baru lalu. Tetapi semasa kita mengenal pasti bahawa pemberian maklumat palsu boleh membawa kesan yang terlalu amat buruk dan kritikal kepada kedudukan ekonomi negara, kestabilan politik negara, keyakinan orang-orang luar terhadap negara kita, on one hand, dengan izin. Tetapi bila mereka membuat salah kerana memberi maklumat palsu, dendanya di sini masih disebut RM2,000, juga keadaannya adalah terlalu amat rendah. Pada saya, kalau kita hendak seimbangkan dengan saluran kewangan yang dapat bantuan dari luar dengan berapa banyak yang kena dikeluarkan kerana denda, hendaklah dipertingkatkan sehingga angka yang menakutkan supaya yang hendak buat salah pun takut dan yang memberi dana sokongan kewangan pun juga merasa takut dan bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai Fasal 10. Sekiranya mesyuarat agung tahunan sesuatu pertubuhan tidak diadakan, pertubuhan itu hendaklah menghantar laporan kepada Pendaftar Pertubuhan selama 60 hari. Tetapi kalau dia ada mesyuarat, juga dihantar 60 hari. Dahulu 28 hari. Jadi, yang buat betul pun kena siap dalam 60 hari dan yang tidak

buat betul atau salah pun kena siap 60 hari. Pada saya, adalah lebih logik dan mempunyai erti yang lebih bermakna dan kekesanan yang meningkat sekiranya dipinda begini. Kalau dia tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan oleh sesuatu sebab, ertinya dia buat salah, mesti ada benda yang tidak betul. Dia hendaklah membuat laporan itu hanya dalam tempoh maksimum 30 hari. Ertinya dia kena cepat, sebab tidak ada banyak yang hendak direport, mungkin dia ada masalah, tetapi masalah itu kita hendak tahu dahulu, mungkin masalah kewangan yang tidak boleh hendak di'reconcile'kan, dengan izin, oleh kerana yang datang mendadak itu banyak, aktiviti yang kuat penyelewengan, oleh kerana itu hendak mengadakan mesyuarat hendak mengeluarkan laporan. Apabila soal disclosure yang hendak disiarkan ini menjadi isu mungkin, inilah masanya pihak berkuasa, pihak kerajaan sendiri patut menekankan supaya mereka dapat mengeluarkan kenyataan dan laporan dengan dalam masa yang lebih singkat. Tetapi kalau dia mengikut peraturan, saya bersetujulah dengan cadangan Akta ini dilanjutkan daripada 28 hari ke 60 hari.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut dalam fasal yang sama, iaitu Fasal 10(b). Tadi Fasal 10 sahaja. Fasal 10(b) yang menghendakkan pertubuhan berdaftar memberikan maklumat kepada Pendaftar mengenai nama dan alamat mana-mana pertubuhan di luar Malaysia yang dengannya pertubuhan berdaftar itu bersekutu.

Kita tahu perkara ini adalah perkara mustahak, kerana gambaran yang telah diberi oleh rakan-rakan saya tadi. Tetapi bila ia ada hubungan dengan badan-badan di luar negara, kita hanya meminta maklumat sekadar mengetahui nama dan alamat pertubuhan. Pada saya, ini tidak memadai. Sepatutnya di sinilah peluang yang kita boleh ambil untuk meminta maklumat relevan yang lebih lagi. Di mana datang relevannya. Relevannya ialah bila kita melihat aktiviti mereka yang salah dan tidak betul yang telah mengakibatkan keyakinan rakyat. Di sinilah caranya kita lihat maklumat relevan yang patut kita minta. Tetapi kalau sekiranya bila datang pada maklumat yang ada hubungannya dengan pertubuhan-pertubuhan luar negara dan maklumat yang kita minta hanya terlalu amat kecil, bagaimana pula pihak berkuasa

mempunyai maklumat yang cukup untuk membuat penilaian sama ada mereka ini betul-betul menjalankan aktiviti mengikut landasan ataupun terkeluar daripada landasan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman kita mewujudkan masyarakat bermaklumat, saya rasa eloklah kita mulakan dengan maklumat yang mencukupi dan relevan oleh pihak pertubuhan-pertubuhan ini yang dikumpulkan sendiri oleh Pendaftar Pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, ini sampingan sahaja. Bercakap tentang maklumat juga, segala apa yang kita sampaikan di sini alhamdulillah dicatatkan dengan baik dalam *Hansard*. Kita mendapat laporan balik dan kita membuat pembetulan dan sebagainya, bagus, baik sekali. Saya berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana penuh ada di sini, kita pun rasa sedap juga bercakap sebab ramai juga dengar. Kalau tidak, rasa lain sedikit, new culture, dengan izin. Tetapi kita juga mengharapkan apa yang kita bercakap biarlah orang akhbar dengar. Bab akhbar selalu disebut, tetapi hari ini saya hendak sebut lebih sedikit, saya terfikir angle yang lain.

Dua perkara, satu, bila akhbar datang duduk di situ pada masa menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen ada, kalau boleh saya katakan, saya cadangkan supaya dipertimbangkan tempat akhbar itu pun diadakan letak nama, menggunakan umpamanya yang dipanggil, saya tidak ingat terminologinya, bandnya macam....

**Seorang Ahli:** Mast-head.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Mast-head, okay terima kasih. Dengan izin, 'mast-head'nya. Kalau *Utusan Malaysia* mast-headnya *Utusan Malaysia*, kalau *Berita Harian* mast-headnya *Berita Harian*, letak di situ. Jadi, sekali imbas kita tahu akhbar mana yang datang, akhbar mana yang lebih prihatin kepada pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh rakyat dan akhbar mana yang hendak keluar, kalau tidak salah. Begitu juga saya perhatikan, tidak mengapalah kalau syarikat swasta yang lain tidak ada oleh sebab-sebab tertentu. Tetapi BERNAMA, ikut fahaman saya adalah dikuasai oleh kerajaan. BERNAMA pun tidak ada, cuba lihat.

Sekarang saya berani cakap BERNAMA pun tidak ada, sebab tidak ada pun hamba Allah yang ada. Tetapi kalau ada seorang hamba Allah di situ, saya tidak berani lagi bercakap. *[Ketawa]* Nampakkah anglenya? Ini maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kecil tetapi pada saya kadang-kadang perkara-perkara kecil inilah yang terpaksa kita perhati untuk menentukan yang kita kata mind set quality. Mind set quality, dengan izin,....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Datuk Haji Sairin mahu minta laluan.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Ya.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon barangkali kalau boleh saya selitkan. Kadang-kadang ada masa kita tidak berani dan ada masa kita berani. Ini saya rasa bagi pandangan saya Yang Berhormat, berani kerana benar, takut kerana salah.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ayat itu, ayat yang boleh memberanikan atau menakutkan. Tetapi saya rasa tidak salah saya sebut, saya sudah berlapek cakap tadi. Kalau pendapat saya ini agak tidak boleh diterima dan tidak boleh dibuat oleh kerana sesuatu, saya akur. Tetapi pada saya, berasaskan penyampaian maklumat, pemikiran saya ialah kita hendaklah konsisten dan menyeluruh memikir secara total dari segi apa yang kita bercakap. Saya kira Yang Berhormat menyokong saya di atas cadangan itu, walaupun bayangannya sokong, saya minta Yang Berhormat sebut dengan lebih jelas daripada bayangan yang saya buat kerana bayangan ini mungkin salah.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Saya menyokong. Terima kasih.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut beginilah. Satu lagi yang saya teringat, ini sebagai contoh, saya tidak sempat sebut bila saya bercakap tentang KLIA dan sebagainya, tetapi saya hendak sebut ini sebagai contoh yang menyeluruh. Ini saya sendiri bercakap dengan rakan-rakan luar negara, ada relevan dengan ini saya sudah hendak habis, itu satu contoh saya hendak sebut. Kita naik kapal terbang first class, business class umpamanya. Oh,

dilayan, ya Allah, saya suka perkataan 'ya Allah', tidak larat makan. Tetapi bila kita sampai di airport, naik bersusun-susun, kadang-kadang kena hujan, transport sama, tidak ada beza. Bila kita turun di airport perkhidmatannya sama. Bila kita semua sampai ke bawah tidak ada lagi kesinambungan tentang perkhidmatan first class atau business class ini. Saya rasa pandangan oleh rakan-rakan luar negara ini menepati, dan saya rasa saya berkesempatan untuk menyebut ini sebagai satu lagi contoh pemikiran total. Kalau tidak, check in ada kaunter first class; masuk tunggu, first class lounge; naik atas, hebat; turun bawah, teruk. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

#### **4.13 ptg.**

**Puan Tan Ah Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk mengadakan pindaan terhadap Akta Pertubuhan 1966 dengan tujuan meningkatkan keberkesanan pengawalan dan pengawasan serta memudahkan pihak pertubuhan dengan keseluruhannya memperkemaskan lagi pentadbiran akta ini adalah satu tujuan yang baik. Saya mempercayai bahawa cadangan tersebut amatlah sesuai kepada perkembangan masa ini dan perlu diberi sokongan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan tersebut yang melibatkan sebanyak 56 pindaan kepada akta tersebut merupakan satu perubahan yang amat meluas dan akan membawa kepada implikasi yang besar bukan sahaja kepada akta itu sendiri tetapi kepada semua pertubuhan yang didaftarkan di bawah akta ini. Namun demikian, dengan tujuan melicinkan lagi dan mempercepatkan proses pentadbiran, cadangan pindaan dalam beberapa seksyen akta dalam memberi kuasa kepada Penolong Pendaftar di peringkat negeri-negeri adalah mencukupi. Terutamanya pada suatu ketika itu cadangan pindaan perlembagaan sesuatu pertubuhan yang hanya melibatkan pertukaran alamat pertubuhan memakan masa yang panjang sehingga pertubuhan berkenaan terpaksa memindah ke tempat atau alamat baru

sebelum permohonannya diluluskan disebabkan pelbagai masalah yang tidak dapat dielakkan seperti penamatan tempoh sewaan dan tidak dapat disambungkan, kenaikan kadar sewa yang tinggi atau tawaran sewa bangunan baru yang lebih sesuai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan penurunan kuasa kepada Penolong Pendaftar di peringkat negeri-negeri dapat benar-benar mempercepatkan proses seperti yang dimaksudkan dalam satu tempoh masa yang singkat, ini adalah amat perlu terutama bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak mempunyai bangunan sendiri dan perlu menyewa bangunan daripada pemilik-pemilik bangunan. Saya cuba mengemukakan perkara ini sebagai satu contoh atau rujukan supaya pihak Pendaftar Pertubuhan dalam mengambil kira perkara ini dan diberi kemudahan atau kelulusan segera khasnya bagi permohonan pertukaran alamat sesuatu pertubuhan. Ini juga boleh diadakan satu borang khas yang disediakan untuk tujuan seumpamanya.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang hak kebajikan rakyat jelata dan juga pertubuhan dalam negara ini dan menyediakan pelbagai peraturan, kemudahan untuk tujuan membantu dan menggalakkan perkembangan kemajuan pertubuhan siasah, sosial dan kebajikan dalam negara ini. Itu sahaja, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia dahulu ya, untuk ladies first. Terima kasih.

**4.17 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk sama-sama menyokong dan seterusnya membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pertubuhan-pertubuhan ini adalah merupakan satu kumpulan yang akan merupakan berperanan penting dalam bukan sahaja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Ghazi tadi bahawa dalam proses globalisasi ataupun international village ini, sememangnya pertubuhan-pertubuhan akan merupakan satu organisasi yang juga akan menentukan politik dunia. Ada terdapat dalam buku *World Politic Trend and Transformation* ini ditulis oleh C.W. Catley and E.R. Witcorph yang telah mengenal pasti bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, non state actors in world politic, the role of international organization and multinational corporation.

Jadi, yang perlu kita beri tumpuan bahawa pertubuhan yang ada di negara ini saya percaya telah banyak meningkat, tetapi saya tidak sempat mendapat jumlah sebenarnya pertubuhan-pertubuhan yang ada di negara ini. Tetapi mengikut rekod, apa yang telah dibuat di dalam Year Book of International Organization, jumlah pertubuhan antarabangsa yang juga sama ada International Government Organization ataupun International Non-Government Organization telah tumbuh dengan begitu pesatnya sejak Perang Dunia Pertama. Mengikut rekod yang ada kita dapati dalam tahun 1970 - 272 pertubuhan yang telah wujud. Dalam tahun 1983 - 905, dalam tahun 1990 ianya telah meningkat kepada 4,600 pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa pertubuhan antarabangsa ini biasanya akan mempunyai pertubuhan-pertubuhan anaknya di negara-negara yang mana mempunyai kaitan dan perhubungan.

Kita dapati bahawa negara kita tidak terkecuali dan kita juga tidaklah sepatutnya hanya memberi perhatian kepada pertumbuhan pengurusan pertubuhan-pertubuhan ini, mungkin kerana adanya seorang wanita seperti Irene Fernandez ataupun adanya laporan terdapat dalam *The Independent and The Observer*. kerana ia sebenarnya merupakan satu perkembangan antarabangsa, perkembangan dunia semasa bahawasanya pertubuhan itu adalah merupakan kumpulan manusia yang mungkin tidak akan berperanan secara langsung dalam politik, tetapi banyak menimbulkan pelbagai isu antarabangsa dan juga dapat menentukan arah tuju satu-

satu negara. Mungkin kita ingat apa yang berlaku di Poland dalam tahun-tahun 1970-an dan 1980-an kesatuan sekerjanya yang begitu aktif. Begitu juga mungkin kita dapati bahawa pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan penuntut yang mungkin begitu agresif dan dapat menumbangkan sesebuah negara. Ini memang banyak berlaku. Oleh kerana itu, pengurusan pertubuhan ini adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada pertubuhan antarabangsa yang berperanan begitu mendadak dan telah dapat mempengaruhi banyak polisi- dunia dan negara dunia ini ialah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kalau kita lihat ianya telah ditubuh, lahir daripada The Formation of Lead of Nation yang kemudiannya diganti oleh United Nation dalam tahun 1945. Didapati bahawa United Nation atau PBB ini telah banyak berkembang dan banyak pertubuhan di bawahnya dan seterusnya pertubuhan-pertubuhan ini diberi pengiktirafan di negara-negara tidak terkecuali termasuk Malaysia sendiri. Mungkin kita tahu wanita contohnya telah dapat menggunakan kesempatan di Beijing World Conference di mana banyak pertubuhan wanita telah berkumpul dan menggunakan landasan tersebut untuk memperjuangkan isu-isu dan hak-hak wanita.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pentingnya peranan pertubuhan-pertubuhan terutamanya saya jangka dalam alaf 21 nanti dengan penambahan penggunaan teknologi, dengan mudahnya untuk kita mendapat maklumat dan dengan senangnya penyampaian maklumat-maklumat daripada seluruh dunia, kerana kita boleh dapat maklumat dalam berapa second atau minit sahaja, tentu sekalilah kerajaan memberi satu penumpuan yang lebih khusus selain daripada kita membuat kawalan-kawalan seperti mana yang telah dicadangkan dalam rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan membuat satu pemetaan pertubuhan-pertubuhan yang wujud di negara ini. Melihat kepada jumlah sebenar, melihat kepada fungsi objektif dan seterusnya melihat kepada kaitan-kaitan dengan perhubungan luar, mungkin perlu kerajaan memberi klasifikasi-klasifikasi tertentu kepada pertubuhan-pertubuhan yang diwujudkan dan seterusnya menentukan berapakah jumlah pertubuhan dalam satu kategori atau klasifikasi yang berkenaan

selain daripada kerajaan menentukan apakah matlamat dan tujuan dan perhubungan dengan negara-negara luar. Kerana saya yakin dan percaya itu adalah satu cara kawalan yang lebih bermakna. Kerana kalau mengikut peruntukan dalam Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997, syarat-syarat tertentu untuk pertubuhan mungkin kita akan meluluskan berbagai-bagai pertubuhan selagi mereka dapat memenuhi syarat-syarat yang ditentukan. Tetapi tentu sekali kerajaan mahu mengawasi dari segi pembentukan, pendaftaran yang dinyatakan itu agar tidak ada overlapping, kita dapat mengawasi dan kita juga dapat menggunakan pertubuhan-pertubuhan ini untuk matlamat-matlamat tertentu negara.

Contohnya, The 'Just' Society saya tidak berapa ingat, tetapi 'Just' yang diketuai oleh Dr. Chandra Muzaffar adalah merupakan satu pertubuhan yang diwujudkan untuk mendapatkan keadilan sejagat dan banyak aktiviti yang dijalankan oleh 'Just' membawa banyak erti kepada kita terutamanya bagi perkara-perkara yang menyentuh hal ehwal antarabangsa, hal ehwal persefahaman antara agama dan yang paling terakhir ialah tentang isu Kosovo, consultation of Kosovo issue, yang mana kita cuba berperanan diwakili oleh 'Just' untuk mempamerkan bagaimana kerajaan mempunyai minat untuk memastikan keadilan berlaku di Kosovo.

Begitu juga saya rasa ada juga yang penting yang telah dijalankan oleh 'Just', contohnya boleh digunakan oleh 'Just' untuk memberi maklumat kepada luar negara tentang Islam. Adalah sekali dia telah mengadakan satu international conference di Pulau Pinang dua-tiga tahun sudah on terrorism of Islam. Jadi, dikumpulkan ramai intelek antarabangsa untuk cuba memahami apakah itu Islam sebenarnya bahawa Islam bukannya satu agama yang merupakan agama terrorism, tetapi adalah satu agama yang mempunyai prinsip-prinsip sejagat yang mahukan keamanan. Beberapa resolusi telah dibuat. Saya percaya dengan adanya conference yang begitu, banyak maklumat yang sepatutnya disebarkan dapat disebarkan.

Jadi, kalaulah kita dapat sebenarnya mengawasi dan menentukan apakah pertubuhan-pertubuhan yang perlu wujud, maka bolehlah kita juga secara tidak langsung pihak kerajaan di mana dalam bidang-bidang tertentu menggunakan

pertubuhan-pertubuhan ini untuk menjadikan penyampai kepada maklumat-maklumat yang mungkin pihak kerajaan sendiri tidak ada kelapangan dan keupayaan dan mungkin kredibilitinya akan lebih tinggi jikalau datangnya daripada pertubuhan-pertubuhan Non-Governmental Organization.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang fasal-fasal yang telah disebutkan sebagai pindaan-pindaan untuk mengurus pertubuhan-pertubuhan dalam negara. Pertamanya ialah kawalan dari bentuk ditetapkan tentang perlantikan pegawai-pegawai supaya mudah pegawai-pegawai yang dahulunya dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dalam Fasal 2 ini. Jadi sekarang lebih mudah kita mengadakan pegawai-pegawai yang tertakluk kepada arahan dan kawalan Pendafar. Ini adalah satu cara yang mungkin memudahkan lagi seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat sebelum saya tadi, untuk memudahkan pengurusan dan juga pelaksanaan tugas-tugas oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan bahawa pegawai-pegawai yang ada ini mengadakan spot check ke atas pertubuhan-pertubuhan yang ada. Tetapi saya rasa kalau dilihat jumlah pertubuhan-pertubuhan yang ada ini memang terlalu banyak. Saya rasa pertubuhan wanita pun ada hampir 400. Walau bagaimanapun, jikalau kita tidak ada satu sistem spot check, dengan izin, mungkin kita tidak dapat mengesan sesuatu tindakan itu sebelum ialah berlaku. Saya juga ingin mencadangkan dari segi kawalan mengikut Fasal 2 dan juga beberapa fasal yang disebutkan, contohnya Fasal 10 perlunya ada penghantaran notis, menghantar dokumen-dokumen dan maklumat setelah mesyuarat agung tahunan diadakan dan ditetapkan tempoh masa bagi penghantaran tersebut.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan kalau dalam setahun kita mendapat maklumat-maklumat mengenai satu-satu pertubuhan itu mungkin agak terlambat untuk kita mengawasi apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Mungkin saya ingin mencadangkan setiap aktiviti itu perlulah dihantar empat kali dalam setahun. Saya juga ingin mencadangkan bahawa mesyuarat agung pertubuhan perlulah juga diwakili oleh pihak kerajaan, kerana kita tahu minit-minit

mesyuarat ini adakalanya ia terlalu ringkas hinggalah kita tidak dapat tahu apa sebenarnya yang dilaksanakan.

Saya juga ingin mencadangkan semua percetakan dan dokumen yang dibuat oleh sesuatu pertubuhan itu dihantar satu salinan kepada Pendaftar Pertubuhan. Contohnya, saya tahu JAS banyak mengeluarkan percetakan-percetakan yang dihantar kepada ahli-ahli atau mereka yang berminat. Saya percaya tidak menjadi satu masalah kepada mereka yang mengeluarkan dokumen-dokumen untuk dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan dan dijadikan kesalahan jika percetakan-percetakan itu tidak dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan kerana yang saya tahu kebanyakan dokumen-dokumen atau percetakan sesuatu pertubuhan itu akan merupakan for internal circulation sahaja. Walau bagaimanapun pihak Pendaftar Pertubuhan perlulah mendapat satu salinan. Jikalau tidak perkara-perkara itu telah keluar ke seluruh negara barulah kita tahu apa yang berlaku. Walaupun saya tahu mungkin dalam Internet pun kita boleh kesan.

Jadi tentu sekalilah saya percaya Kementerian Dalam Negeri mempunyai alat pengesan dari segi elektronik untuk memastikan bahawa mesej-mesej melalui elektronik dapat dikawal lebih awal atau dapat dikesan. Tetapi saya rasa pihak kerajaan tidak banyak menggunakan Internet. Hari itu saya cuba mendapatkan maklumat tentang JPA dalam Internet, yang saya dapat hanyalah Jabatan Psikologi. Jadi begitulah tahap, mungkin kita punya penggunaan elektronik dan saya haraplah Kementerian Dalam Negeri tentulah lebih canggih kerana sebab-sebab sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan tadi perlulah diberitahu dan jikalau ia mempunyai kegiatan perhubungan luar dimestikanlah untuk pihak pertubuhan memberi notis kepada pihak kementerian. Seperkara lagi untuk cara pengendalian yang juga saya ingin komen ialah tentang Fasal 34 iaitu tempat urusan berdaftar. Ini juga adalah satu cadangan yang baik kerana banyak pertubuhan kadang kala tidak mempunyai tempat urusan berdaftar. Walau bagaimanapun kita tahu mungkin banyak pertubuhan akan menggunakan alamat yang convenience untuk mereka dijadikan tempat urusan berdaftar tetapi

sebenarnya urusan-urusan itu dijalankan di pelbagai tempat yang mungkin tidak dapat dikesan oleh pihak kementerian.

Jadi mungkin pihak kementerian boleh memikirkan bagaimanakah dapat ianya mengesan tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan ini kerana pertubuhan-pertubuhan ini walaupun kita mungkin ada hak dalam Perlembagaan hak kebebasan untuk pertubuhan dan sebagainya tetapi kawalan ini perlulah dipertingkatkan.

Mengikut Fasal 23, saya lihat ini adalah satu cara untuk pihak kerajaan dapat menghentikan personaliti-personaliti tertentu dalam satu-satu pertubuhan, iaitu jikalau dikatakannya telah dibatalkan satu pertubuhan maka berhentilah pemegang jawatan yang juga terlibat dalam satu-satu pertubuhan itu. Kita dapati bahawa kebanyakan pertubuhan itu sama ada baik atau jahatnya atau tidak selaras dengan kehendak, keamanan ataupun sekuriti negara sangat bergantung kepada personaliti ataupun pemegang jawatan dalam pertubuhan tersebut. Saya kurang pasti mungkin dapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap personaliti-personaliti dalam sesuatu pertubuhan yang dianggap melanggar peraturan-peraturan mengikut undang-undang pertubuhan selain daripada ianya tamat jawatan dengan pembatalan sesuatu pertubuhan tersebut.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Fasal 29, tentang maklumat palsu ataupun dokumen palsu. Ianya menjadikan satu kesalahan jika sesiapa memberi maklumat atau dokumen palsu kepada pendaftar. Ini adalah satu yang juga merupakan satu jenis kawalan daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa semua maklumat yang diberi adalah maklumat-maklumat yang benar tetapi seperti yang saya katakan tadi, perlulah adanya satu garis panduan bagaimana penyampaian maklumat-maklumat yang dikatakan diberi kepada pendaftar. Saya pernah melihat satu minit mesyuarat satu koperasi di mana telah membangkitkan tentang penyelewengan wang dalam koperasi berkenaan tetapi apabila dibaca minit mesyuarat koperasi berkenaan atau mesyuarat agung, kita tidak dapat mengesan sebenarnya adanya ditimbulkan tentang masalah

penyelewengan kewangan dalam minit mesyuarat tersebut. Tentu sekalilah kalau itu dijadikan sebagai bukti ianya tidak dapat memberi gambaran yang sebenarnya. Saya ingin mencadangkan bahawa penghantaran maklumat, dokumen ditetapkan dalam peraturan-peraturan satu format terutamanya untuk kita mengesan kegiatan-kegiatan yang mungkin akan menjejaskan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menegaskan di sini bahawa pertubuhan-pertubuhan perlu diberi satu penekanan dan satu pertimbangan yang serius oleh kerajaan kerana banyak transnational policy problems, dengan izin, mungkin akan timbul daripada kegiatan-kegiatan pertubuhan yang akan mempunyai berbagai-bagai jenis perhubungan terutamanya isu-isu sejagat. Satu mungkin kita selalu dengar ialah on human rights issue. Human rights issue ini memang kita tahu is very subjective. Walau bagaimanapun, sebab ianya begitu subjective ianya mungkin disalahgunakan. Jadi dengan kata-kata dan pesanan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

**4.43 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997 untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 yang dibentangkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam Dewan Negara yang mulia ini. Saya sokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu yang saya ingin bangkitkan, minta jawapan dari Kementerian Dalam Negeri. Pertama saya ingin menyentuh mengenai pertubuhan kaum Cina di Malaysia ini. Kaum Cina adalah dari negeri China. Biasanya kalau orang itu orang Hainan ataupun Sukinan akan menubuhkan satu Persatuan Hainan .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa maksud itu Sukilang?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sukilang apa maksud?

**Tuan Yim Chee Chong:** Sukinan itu bermaksud orang Hainan sama Hainan, kata Sukinan ataupun sendiri punya orang. Kita semua sendiri punya orang. *[Ketawa]* Maknanya macam itu, Sukinan. Kalau orang Kantonis akan menubuhkan satu persatuan Kwantung. Begitu juga orang Hokkien, akan menubuhkan satu persatuan Hokkien supaya semua kaum daripada satu kampung akan bersatu padu untuk menolong orang yang baru sahaja tiba dari negeri China ke Malaysia ini pada masa dahulu kala. Kalau dia tukang jahit, orang-orang Cina akan menubuhkan satu Persatuan Tukang Jahit dan seterusnya. Pertubuhan kaum Cina di Malaysia ini ada juga yang lebih daripada 100 tahun, ada yang lebih daripada 80 tahun ataupun 90 tahun. Persatuan ini mempunyai tujuan yang baik pada masa lalu adalah tolong menolong di antara satu sama lain. Pada masa Dr. Sun Yet Sen mengadakan revolusinya di negeri China untuk menggulingkan Kerajaan Manchu pada tahun 1911. Dr. Sun Yet Sen, Bapa Negara Cina adalah pemimpin revolusi yang menggulingkan Kerajaan Manchu dan menegakkan sebuah kerajaan yang dinamakan Republic of China. Dr. Sun Yet Sen pernah datang ke Kuala Lumpur, Seremban, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Pilah untuk mendapat sokongan dan persatuan kaum Cina di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang pertubuhan kaum Cina adalah lebih daripada 5,000 di Malaysia. Betulkah atau tidak, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi mengikut akhbar lebih daripada 5,000 pertubuhan kaum Cina di negara kita ini. Sejak masa dahulu ada satu kebudayaan Cina iaitu 'Mahjong'. Ada orang kata 'Mahcok'. Pernahkah tuan main mahcok? *[Ketawa]*. Orang Melayu pandai main, orang Melayu pandai juga. Ayah saya dahulupun pandai main. *[Ketawa]* Semasa saya kecil saya menyaksikan permainan mahjong oleh ayah saya dengan orang Melayu. Orang Cina anggap mahjong sebagai satu budaya kaum Cina. Baru-baru ini di Quanzhou di negeri China bermain mahjong sebagai satu sukan orang Cina. Jadi ada satu pertandingan mahjong di negeri China dijalankan baru-baru ini. Baru-baru ini saya ditugaskan oleh Persatuan-persatuan Kaum Cina meminta saya kemukakan hal ini kepada Kementerian Dalam Negeri. Oleh kerana tahun yang lalu di Persatuan Cina sedang bermain mahjong,

Pendaftar Pertubuhan datang dan berkata “Ini haram, kalau terus main maka pendaftaran ini akan dibatalkan”. Jadi banyak pertubuhan ataupun persatuan kaum Cina sekarang bimbang kalau seterusnya bermain mahjong sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka atau tidak atau pendaftaran mereka dibatalkan.

Kalau dibenarkan bermain mahjong berapa meja, biasanya empat orang bermain satu meja ataupun sekarang cara baru tiga orang main satu meja. Berapa meja, kadang-kadang ada tiga, empat meja dalam satu persatuan. Kalau Kementerian Dalam Negeri membenarkan mereka bermain mahjong dalam persatuan itu, berapa table yang dibenarkan. Orang kata satu table sahaja tetapi kalau ada dua table atau tiga table maka Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan terhadap mereka atau tidak? Saya harap oleh kerana mahjong ini orang Cina anggap sebagai satu budaya orang Cina dan ramai pemain adalah daripada senior citizen, orang yang umurnya 60 tahun ke atas, orang tua yang main. Kalau tidak ada tempat main mahjong entah mana hendak pergi. Ini soalan pertama saya.

Soalan saya yang kedua, saya ingin kemukakan soalan bagi pihak pusat hiburan. Baru-baru ini ada pusat hiburan yang mempunyai mesin video games, macam main mahjong. Mesin itu satu orang main sahaja. Dia masuk duit syiling dan main-main sahaja. Bila menang tiada syiling yang keluar tetapi pihak polis ambil tindakan sapu semua mesin mahjong itu dan mengatakan ini judi dan bawa orang yang berkenaan ke mahkamah. Saya difahamkan bahawa di Kuala Lumpur ataupun di Ipoh, Mahkamah Majistret ada membebaskan orang-orang yang dituduh ke mahkamah ini dengan mengatakan ini bukan judi dan dibebaskan mereka itu. Akan tetapi hari ini masih ada banyak anggota polis yang datang ke pusat hiburan dan sapu semua mesin mahjong dan mengatakan ini judi dan simpan di balai polis berbulan-bulan lamanya sehingga satu tahun dan tidak ada caj pelesen itu di mahkamah. Mesin yang disapu itu empat mesin tetapi ia dibawa ke mahkamah jadi dua mesin. Dalam tuduhan kata dua mesin, yang diambil empat mesin. Tetapi

yang dituduh di mahkamah dua mesin. Orang tanya mana dua mesin lagi siapa yang sudah ambil atau adakah ianya dicuri di balai polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan satu soalan kepada Kementerian Dalam Negeri sama ada mesin mahjong itu dianggap judi atau tidak? Salah atau tidak? Kalau tidak salah saya harap Kementerian Dalam Negeri akan mengarahkan Ketua Polis Negara supaya mengarahkan semua balai polis jangan ambil tindakan terhadap mesin mahjong itu kalau dianggap oleh mahkamah mesin itu bukan haram dan tidak salah di sisi undang-undang.

Akhirnya cadangan saya kepada Pendaftar Pertubuhan agar mengadakan satu dialog tahunan atau dua tahun satu kali dengan persatuan-persatuan di negara kita ini. Dalam dialog itu pihak kerajaan memberitahu kepada semua pertubuhan dasar dan prinsip kerajaan. Apakah prinsip dan dasar yang diperjuangkan oleh kerajaan kita agar dapat melahirkan perasaan taat setia kepada negara kita ini. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Jamilah binti Ibrahim.

**4.47 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997 ini dengan beberapa pandangan saya dan saya mohon maaf kerana saya terlupa hari ini untuk membawa akta itu, cuma saya akan mencelah bagi mengutarakan pandangan saya. Dalam Al-Quran Allah telah menggariskan satu ayat di mana ertinya yang bermaksud, “Sesungguhnya Aku menjadikan kamu berpuak-puak dan kumpulan-kumpulan untuk kamu berkenal antara satu sama lain”. Jadi melihatkan perkembangan terkini paradigme dan minda terkini adalah merupakan suatu perubahan yang menyeluruh maka pihak kerajaan telah memberi perhatian kepada pertubuhan untuk dibuatkan pindaan bagi mengembangkan persatuan-persatuan yang wujud dalam negara kita secara global, termasuklah kesedaran ukhuwah umat Islam itu sendiri. Sepatutnya kita mengambil sikap berkasih sayang, berkenal-kenalan di samping bertukar-tukar fikiran.

Saya bukannya fokus di sini ialah peranan wanita Islam itu sendiri. Kita harus melihat betapa pentingnya peranan wanita Islam dalam membangunkan ummah. Di samping itu kita masih mengetahui melihat dari jauh dan secara dekat mungkin misalnya Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim yang pernah pergi mengikuti conference wanita Islam di Beijing dan di Cairo dan saya juga pernah mengikuti satu daripada konvensyen wanita umat Islam dan di sana kita melihat betapa masih ramai lagi wanita Islam yang mindanya tidak berubah, yang cetek yang merasai wanita itu dijadikan hanya untuk pengurusan rumah sahaja dan memberi belaian kasih kepada suaminya sahaja, tidak lebih daripada itu. Sedangkan peranan wanita Islam yang sebenarnya kalau kita melihat kembali di zaman pembangunan Islam awal mereka berperanan dengan begitu pantas, begitu hebat, begitu berani bagi membangunkan risalah dan dakwah bersama dengan suami-suami mereka. Jadi apa yang saya hendak sentuhkan di sini masih wujud wanita-wanita yang tidak berpersatuan dan minda mereka agak cetek dengan menganggapkan mereka tidak ada peranan di luar sedangkan di luar kita menghadapi masalah gawat, gejala sosial dan sebagainya.

Jadi dengan itulah maka melalui persatuan ini kita boleh kembangkan secara lebih global, kita boleh menyampaikan kefahaman kepada wanita-wanita Islam bagi sebahagian daripada negara-negara yang agak ketinggalan minda mereka dan juga kepada wanita-wanita Islam yang minoriti penghuninya di kawasan Asia itu sendiri. Maka kalaulah, insya-Allah, wanita Islam di Malaysia ini mampu berperanan untuk membantu mereka meyakinkan mereka bahawa wanita mempunyai peranan yang besar di luar daripada rumah mereka. Jadi untuk mengembalikan roh semangat wanita Islam di zaman awal.....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta laluan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan seikhlas daripada Yang Berhormat yang bercakap dengan memulakan ayat Al-Quran yang bermaksud bahawa, “Manusia ini dijadi kan berpuak-puak atau

berkumpulan untuk berkenalan dan berkasih sayang”. Kemudian apa yang berlaku pada realiti hakikat masyarakat dan sampai kepada Yang Berhormat katakan tadi wanita Islam berhasrat ke arah pencapaian matlamat Al-Quran tadi. Bagaimana dengan hakikat yang berlaku di kalangan kelompok tanpa memihak kepada mana-mana pihak yang berada di atas pentas, memaki hamun di antara kita sama kita, membuat fitnah, menuduh dan sebagainya di khalayak yang beribu, berpuluh ribu dan lebih teruk kalau yang memaki hamun itu mewakili kumpulan agama. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hala tujunya kita adalah sama cuma metodologi itu sendiri kita melihat kepada perkembangan minda dan perkembangan intelektual penyampai itu. Jadi saya rasa kalau saya duduk di dalam parti saya, mewakili parti PAS, saya rasa, saya tidak memaki hamun, itu mungkin saya, jadi saya bercakap atas suara saya dan atas suara hala tuju kita ke arah yang lebih baik, yang positif bagi menyelamatkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi itulah suara saya tadi untuk bersama-sama memanggil supaya suara wanita itu dapat dibangunkan, menyedarkan bahawa peranan wanita di luar itu sangat penting, sangat besar bagi menyelamatkan keadaan sosial negara yang gawat dari segi kedudukan remaja. Di sini bermakna saya memahami bahawa ramai lagi wanita yang tidak sedar peranan .....

**Dato’ Zainol Abidin bin Johari:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya Dato’ mahu minta laluan lagi.

**Dato’ Zainal Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tertarik dengan Yang Berhormat yang membuat kenyataan ikhlas dan saya pun ikhlas dengan soalan saya. Kalau kita tahu wanita adalah satu-satunya kumpulan yang boleh memainkan peranan utama dalam pembentukan masyarakat, boleh saya dapat pandangan dari Yang Berhormat, bagaimana kumpulan wanita Islam yang tulen untuk memastikan masyarakat kita semakin kurang kegawatan, seperti yang saya katakan tadi.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita bercakap atas metodologi Islam saya rasa kita tidak ada pilihan lain kerana Allah pencipta, kita diciptakan oleh Allah, jadi tidak ada pilihan lain mesti kita kembalikan kepada formula Allah. Maksudnya Allah menjadikan kita, Allah mencipta kita, Allah meletakkan formula-formulanya di hadapan kita, tidak ada pilihan lain mesti kita kembali kepada Allah dengan cara apa sekalipun bagi menyelamatkan kehidupan kita dunia dan akhirat.

Jadi alhamdulillah dengan pandangan, dapat berhujah di sini boleh membuka kesedaran kita dan saya teruskan sedikit lagi untuk kembali melihat kepada peranan wanita Islam di zaman Rasulullah, mereka telah memperlihatkan kecergasan mereka bagi membantu dan membangunkan Islam itu sendiri dan alhamdulillah kita di hari ini, walaupun kita berbilang agama, tidak mengapa tetapi kita yang sudah Islam, kita akan terus dengan keyakinan kita pada Islam. Dengan sebab itu ada pepatah kalau tidak silap saya, disebutkan “apabila wanita itu sihat dari segi solehahnya, halatujunya, kabaikan, keikhlasan bagi membangun dirinya, masyarakat, rumah tangga dan sebagainya maka negara juga akan turut bangun dan maju’.

Oleh itu saya merasakan sudah sampai masanya badan persatuan wanita-wanita di Malaysia kembali untuk mengikatkan ukhwah persaudaraan dan samalah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh bagi menyelamatkan anak bangsa yang berteraskan pada akidah dan iman, insya-Allah sedikit sebanyak akan membantu kerajaan bagi menyelesaikan masalah sosial yang agak gawat ini. Oleh itu saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Pertubuhan tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato’ Zainal Abidin bin Johari.

**4.57 ptg.**

**Dato’ Zainol Abidin bin Johari:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut berbincang dan berbahas mengenai Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kawan-kawan Yang Berhormat yang telah bercakap saya juga ada beberapa perkara yang perlu saya sentuh berdasarkan penelitian, pengamatan dan juga pengalaman saya sendiri, khususnya mengenai pertubuhan yang saya wakili dan tentunya ada juga kaitan dengan pertubuhan-pertubuhan lain di negara kita ini.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memastikan pihak kementerian, mengenai kelicinan cawangan-cawangan di bawah pertubuhan tertentu misalnya di bawah UMNO di mana kita ada hierarki UMNO Malaysia, UMNO Negeri, UMNO Bahagian dan UMNO Cawangan-cawangan. Pada biasanya di bawah bahagian ada berpuluh-puluh cawangan, ada yang beratus, ada yang lebih 200 - 300 cawangan dan sebagainya dan kalau khusus kepada bahagian saya, sehingga 152 cawangan UMNO di dalam bahagian yang mesti akur kepada kehendak Akta Pertubuhan ataupun Pendaftar Pertubuhan mengenai laporan tahunan. Apa yang berlaku laporan tahunan saya nampak memang wajar dan wajib dibekalkan oleh pertubuhan-pertubuhan mengikut kehendak Pendaftar Pertubuhan tetapi untuk mempermudah penyampaian, untuk mempermudah pengisian borang ataupun mewakilkan kepada pihak yang mengelakkan daripada terbatalnya cawangan-cawangan di bawah pertubuhan tertentu atau khususnya UMNO tadi.

Pengalaman telah berlaku kepada bahagian saya sebelum saya mengambil alih Ketua Bahagian daripada Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Negara kita, sebelum ini, ada cawangan-cawangan yang leka untuk menyiapkan laporan tahunan sehingga ianya menerima surat pembatalan ataupun notis pembatalan. Dan saya pasti ataupun kita boleh dapat kepastian sebahagian besar ketua-ketua di cawangan-cawangan di bawah pertubuhan kita barangkali tidaklah secepat mana dari segi pengurusan, pemfailan dan sebagainya. Maka saya ingin mendapat kepastian apakah sudah ada peruntukan untuk membolehkan Bahagian itu sendiri ataupun pihak pengurusan Bahagian, Setiausaha Bahagian atau wakil kepada Ketua Bahagian itu untuk mengumpul kesemua laporan tahunan yang diringkaskan dan dihantar terus kepada pendaftar pertubuhan di kawasan masing-masing atau di

bawah negeri, kalau Kelantan di Terengganu, untuk mengelakkan cawangan-cawangan menerima notis surat pembatalan ataupun akhirnya terbatal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih, tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memberi pindaan ini mengenai keahlian di luar daripada kawasan. Memang sebelum ini kita menghadapi masalah kadang-kadang kita terpaksa 'tipu sunat' ataupun terpaksa tipulah tentang alamat dan sebagainya untuk membolehkan cukupnya jumlah ahli untuk kita menubuh cawangan-cawangan pertubuhan di bawah pertubuhan yang kita ketuai dan di bawah fasal 13 itu untuk membolehkan mana-mana ahli di luar kawasan menjadi ahli di mana-mana cawangan yang mereka pilih, ini merupakan satu flexibility yang menggalakkan di segi 'kesihatan' pertubuhan itu sendiri.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai maklumat palsu pendaftaran. Saya yakin dan percaya banyak dilakukan kalau diperiksa sekarang pun masih banyak maklumat-maklumat palsu yang dilakukan oleh cawangan-cawangan sama ada mana-mana parti-parti politik atau pihak tertentu yang barang kali sebelum ini mengambil kesempatan di atas ketidakkemasannya akta untuk mendaftar ahli-ahli. Antara maklumat palsu yang saya kesani sebelum ialah tentang pendaftaran ahli di mana kadang-kadang nama ahli itu untuk mempermudah pertubuhan sesuatu cawangan kepada sesuatu pertubuhan tertentu. Mereka hanya mengambil nama daripada daftar pemilih yang dibekalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang lengkap dengan alamat atau kampung, nombor kad pengenalan dan memalsukan tandatangan. Mereka yang mengerjakan ini sehingga setengah itu mendapat upahan berdasarkan jumlah ahli yang dipungut untuk memudahkan atau membolehkan didaftarnya cawangan-cawangan tertentu.

Perkara ini sepatutnya diambil perhatian oleh Pendaftar Pertubuhan supaya tidak dapat dilakukan oleh mana-mana pertubuhan selepas ini untuk memalsukan. Kadang-kadang ada yang ahli dah mati, masih menjadi ahli ataupun didaftar sebagai ahli di atas kertas untuk mendaftar pertubuhan ataupun cawangan pertubuhan-pertubuhan baru.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai syarat pertubuhan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan untuk mengingatkan supaya seksyen ini ataupun Fasal 5 ini digunakan oleh kerajaan atau pihak Pendaftar Pertubuhan untuk mengemaskan, memastikan supaya pertubuhan yang akan ditubuhkan di kawasan tertentu atau di tempat-tempat tertentu supaya mematuhi dasar negara dan jangan mengambil kesempatan memburuk-burukkan pemimpin negara khususnya pemimpin kerajaan dan jangan mengambil kesempatan untuk memperalatkan agama dan sebagainya. Pastikan jika cawangan pertubuhan ini melanggar peraturan seperti merosakkan akidah, melakukan pecah-belah, fitnah dan sebagainya direkodkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan akhirnya diberi arahan untuk dibatalkan ataupun surat tunjuk sebab kenapa tidak dapat dibatalkan. Kepada yang baru, pastikan peraturan-peraturan ini dikerakan kerana masih banyak dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu yang sememangnya menyebabkan berlakunya kerosakan akidah, cara mereka menyampaikan ucapan, menggunakan masjid, menggunakan apa sahaja sehinggakan tindakan kerajaan membuat pembenihan awam pun dikatakan haram dan sebagainya. Cuba pastikan perkara ini.

Kalau ada pertubuhan seperti ini, saya rasa pertubuhan ini patut kita kawal kerana kalau kita tidak memastikan ahli mereka mempunyai pemikiran luas untuk menghadapi zaman yang semakin maju, untuk menghadapi zaman 2000, saya rasa amat malanglah kalau kita mengizinkan pertubuhan-pertubuhan ini mengumpulkan ahli untuk menyempitkan pemikiran ahli - membuat ahli undur ke belakang sedangkan kita menggalakan pertubuhan-pertubuhan untuk kita kumpul ahli memberi ilmu dan pendidikan kepada ahli kita untuk menghadapi zaman yang semakin canggih di tahun 2000 dan selepas 2000.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan dan juga pohon penjelasan saya daripada pihak kementerian mengenai Akta Pertubuhan ini. Maka dengan itu saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta, Yang Brhormat Dato' Timbalan Menteri menjawab.

**5.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan dan telah memberikan banyak cadangan yang membina, telah pun memberi cadangan juga bantu kerajaan untuk menunjukkan betapa prihatinnya mereka terhadap negara.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah pun memberikan banyak pandangan terutamanya terhadap NGO. Memang pada keseluruhannya saya setuju benar dengan apa yang diulaskan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, terutama kritikan yang telah ditujukan kepada pihak NGO yang dikatakan tidak bertanggungjawab dan telah pun mengkritikan kerajaan sehingga menjejaskan imej kerajaan dalam isu-isu yang tertentu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pertubuhan 1966 memperuntukkan bahawa pertubuhan adalah diwajibkan untuk beri maklumat mengenai apa-apa wang atau harta atau keuntungan daripada mana-mana pihak sama ada orang perseorangan atau organisasi ataupun pihak berkuasa atau kerajaan tak kira dari mana, melalui penyata tahunan mereka. Ini adalah satu perkara yang beberapa Ahli Yang Berhormat juga ambil penting, hendak tahu, bagaimana kerajaan mengawal, bagaimana kerajaan mengawasi badan-badan yang dikatakan mungkin ada agenda ataupun ada motif di sebaliknya.

Pada masa kini sebab itulah sebahagian daripada sebab itu atau salah satu faktornya kita hendak pinda Akta Pertubuhan di Dewan yang mulia ini ialah supaya pihak kerajaan terutamanya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia akan mempunyai kuasa yang lebih kemas, lebih baik, lebih menyeluruh supaya boleh menjalankan pengawasan, pengawalseliaan yang lebih berkesan dan boleh dikatakan lebih cepat untuk bertindak. Itu sebabnya di bawah subseksyen yang baru kita hendak masukkan 64(2), pegawai-pegawai jawatan akan diberi kuasa untuk memasuki atau menggeledah dan menyita apa-apa bahan atau dokumen pertubuhan, dan tidak lagi kita tunggu satu kali satu tahun. Tunggu dia punya penyata tahunan sampai baru kita tahu dia punya akaun, baru kita tahu dia siapa, dia

pemegang jawatan dan sebagainya. Dengan pindaan ini, kita boleh masuk dia punya persatuan ataupun tempat yang mereka menjalankan kegiatan bila-bila, kita boleh ambil dia punya dokumen untuk siasat. Dan kalau terbukti ada sesuatu yang ketara sangat kita boleh terus rampas apa-apa yang kita rasa boleh dijadikan bukti kemudian. Jadi, inilah satu kesan selepas pindaan akta ini.

Selain daripada itu, pihak pendaftar juga berhak untuk memanggil pemegang jawatan pada bila-bila masa kalau kita ada keraguan, ada sesuatu hendak menyoal siasat daripada penyata tahunan mereka kalau kita nampaknya tidak jelas atau sesuatu mungkin diselindung atau disembunyikan maka Pendaftar Pertubuhan boleh panggil, pemegang jawatan supaya pergi ke pejabat untuk memberi maklumat yang selanjutnya. Saya sudah dengar beberapa Ahli Yang Berhormat ada bangkit perkara ini. Jadi dengan pindaan ini kuasa adalah lebih dan akan jadi lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga ada sentuh tentang sistem teknologi maklumat dan juga ada Yang Berhormat lain juga sebut tentang Internet dan sebagainya. Memang Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sedang dan pada dalam beberapa tahun ini memang telah pun mula berusaha untuk mengkomputerkan, mengadakan sistem pengkomputeran bukan sahaja di peringkat ibu pejabat dan juga di peringkat negeri, dan harap sistem pengkomputeran itu boleh meningkatkan lagi dari segi keberkesanan memperolehi maklumat, penghantaran maklumat, merekod, menganalisis dan menjalankan pentadbiran dan penguatkuasaan dengan licin.

Cuma pada masa kini, oleh kerana kegawatan ekonomi, ada satu projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kita perlu lagi kira-kira RM3 juta untuk menjalankan sistem teknologi maklumat yang canggih ini, mungkin ditangguh oleh pihak yang berkuasa. Inilah kita semua tahu, bila kegawatan ekonomi, banyak masalah dihadapi akibat kegawatan ekonomi dari segi pebelanjaan. Mudah-mudahan sistem pengkomputeran ini boleh kita teruskan dan kalau ekonomi kita boleh pulih dengan cepat ataupun kalau tidak pun sekurang-

kurangnya akan mengadakan usaha, adakan dia punya contingency plan pada masa sekarang.

Siapa dia NGO yang cuba menjatuhkan imej negara, ini satu soalan telah ditanyakan di kedua-dua Dewan dan di luar, sehingga hari ini kerajaan tidak bercadang untuk membuat pengumuman terhadap nama mereka, kerana kerajaan sedang mengawasi tingkah laku, tengah mengawasi apakah mereka cuba buat. Kalau kita tengok pun lebih kurang, kita tahu mana dia, siapa dia badan-badan yang begitu ghairah, begitu lantang selama ini. Banyak kritik kerajaan, dari segi isu environment dari isu pendatang tanpa izin ataupun apa-apa sahaja mereka mesti tak diamkan diri. Kalau dia bangkit, dia cakap dia mesti mahu menyalahkan kerajaan dulu. Jadi tengok trend siapakah dia punya perangai macam itu. Itulah yang kerajaan awasi.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Aziz, pandangan bahawa mereka ini, kalau benar-benar jujur terhadap negara cara perjuangan mereka bukan begini. Cara perjuangn mereka ialah sama-sama dengan kita semua memikul beban. Cuba kita bantu negara kita dalam masa kegawatan ekonomi, dari segi environment mereka sepatutnya dapatkan sumbangan derma yang benar-benar boleh membantu kita, sebagai contoh memadamkan api, kalau tidak ada orang itu sukarela bawa banyak NGO pergi buat kerja itu seperti kerja Pertahanan Awam, semua sukarelawan. Saya rasa itulah jadi satu kejujuran kalau mereka benar-benar hendak menunjukkan sikap mereka mencintai negara ini.

Dan saya tidak dapat bagi angka tepat tentang berapakah pertubuhan yang telah didapati salah guna wang derma, tapi setakat tahun 1997 terdapat pembatalan yang kami telah jalankan melalui tindakan penguatkuasaan. Setakat tahun 1997 sejumlah 839 pertubuhan telah dibatalkan kerana melanggar Peraturan Pendaftar Pertubuhan ataupun Akta Pertubuhan pelbagai sebabnya. Kebanyakan sebab adalah kerana mereka tidak menghantar penyata tahunan dan ada juga sebahagian

daripada mereka itu telah pun menjalankan kegiatan yang melanggar syarat dan sebagainya, tapi saya tidak dapat beri satu angka yang tepat khas untuk mereka yang salah guna derma. Walau bagaimanapun pihak berkuasa sentiasa mengawasi kegiatan dan juga dokumen rekod-rekod mereka.

Yang Berhormat Dato' Ghazi, membangkitkan, atau sebelum saya teruskan penjelasan, saya masih ingat selalu orang timbulkan mengapa tidak ada pihak akhbar duduk di tempat mereka, sekarang tak ada seorang, saya pernah dengar satu penjelasan saya rasa saya cuba sampaikan. Walau kita tidak nampak pemberita sini, tapi bilik berita, tetap boleh dengar, apa yang berlaku di sini dan ada pemberita beritahu saya, sehingga suara siapa pun mereka kenal, bila saya cakap, mereka kenal saya punya suara. Ini sajalah, sebagai maklumat, bukan semestinya tidak ada orang maknanya tidak ada laporan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dengar daripada bilik luar apa yang berlaku di sini. Tapi, saya minta penjelasan, kalau kita gunakan tangan misalannya dengan reaksi kita ataupun kita gunakan kertas kita hempaskan atas meja ini, sebab kita tidak puas hati dalam sesuatu, pemberita surat khabar tak tahu, dia tidak dapat menengok apa yang berlaku dalam Dewan ini. Oleh itu apa yang ditulis nanti, tidak tepat. Ini satu masalah saya tengok. Kita boleh dalam keadaan dunia elektronik sekarang ini kita boleh duduk di London tahu apa yang berlaku di sini, coference dengan video pun boleh. Tetapi, saya yakin dengan tidak adanya pemberita-pemberita di sini, apa yang sebenar-benarnya berlaku dengan izin, the manner of the person you cannot recognize. Dalam mahkamah pun kalau seorang cuba hendak berbohong, kita tengok muka dia pun kita tahu yang dia hendak berbohong oleh hakim tetapi di Dewan ini pemberita tak dapat tengok. Bagaimana cara kita berdiri, macam mana

kita berhujah dengan nada yang tinggikah, dengan lemah-lembutkah, adakah boleh tahu apa yang berlaku? Kadang-kadang 'mic' ini boleh jadi tidak dapat menceritakan sebenarnya apa yang berlaku. Oleh itu saya tidak setuju, dengan pendapat Yang Berhormat tadi, yang mengatakan pemberita tidak ada sini tidak apa. Kalau Yang Berhormat tidur sini, dia tahu ke tidak, adakah dia boleh masuk dalam surat khabar mengatakan Ahli-ahli Senator semuanya tidur sebab kita tidak ada camera di sini, tak ada televisyen di luar. Jadi banyak masalah timbul, saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat [*Ketawa*] lebih baik ada pemberita di dalam ni, lagi baik dengan tidak ada di dalam bersama-sama kita memerhati kita apa yang berlaku di sini. Terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dah bangkit, saya dah kata tadi, saya menyampaikan maklumat bagi pihak mereka, itu bukan pendapat saya. Sebab sayalah yang query mereka dulu, seperti Yang Berhormat Dato' Ghazi, saya kata mengapa sampai satu ketika, kenapa saya query dulu pernah saya berbahas dengan DAP dalam Dewan, mereka dah banyak tuduh kerajaan, selepas itu saya jawab reporter sudah tinggal seorang dua dan pihak pembangkang pun tidak dengar saya jawab, masa itu kira-kira pukul enam lebih. Jadi saya dah tanya reporter, tak adillah saya kata, masa dia menuduh semua ada dan lapor dengan begitu rajin dan teliti, semua ikut Bila saya jawab, sudah tidak ada. Jadi jawapan itu yang diberi kepada saya, mereka kata "Oh walaupun kami tak ada, tapi kadang-kadang kami dalam bilik berita tengah kerja, kami dengar". Ini yang disampaikan kepada saya. Jadi saya sampaikan pada Dewan untuk kita kongsi maklumat ini. Terima atau tidak, itu terpulang kepada kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju kalau kedua-dua Dewan pada bila-bila masa kita memberi penuh perhatian, tetapi kadangkala saya pun dengar teguran yang mengatakan Yang Berhormat-Yang Berhormat pun serupa, sudah bercakap banyak tetapi bila masa menjawab orangnya tidak ada, tinggal beberapa orang duduk, itu pun kena tegur. Saya setuju dengan satu semangat, sepanjang masa tidak kira Dewan mana, sama ada reporter, sama ada wakil rakyat supaya kehadiran itu setinggi-tinggi yang boleh. Itulah semangat yang sepatutnya kita ada.

Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Syarikat, yang mana lebih kuat, yang mana lebih menyeluruh, saya rasa ia dua bidang yang berlainan. Itu sebabnya pada masa ini Dewan ini sedang meminda dua akta, satu Akta Pendaftar Pertubuhan dan satu lagi Akta Syarikat, sebenarnya kedua-dua ini ada berkaitan tentang terutamanya ada pihak-pihak tertentu sudah salah gunakan, dia beri RM2 (two-dollar's company) dan ia jadikan sendiri NGO, selepas itu dia telah terkenal. Sebenarnya ia bukan badan sukarela pun, ia satu syarikat tidak buat business tetapi akaunnya menunjukkan ada wang. Ini adalah loopholes yang ada orang ambil kesempatan, sebab itu kita hendak ketatkan loopholes ini selepas pindaan akta ini dan selepas itu pindaan Akta Syarikat. Selepas itu kita sama-sama usaha pastikan apa yang telah berlaku itu tidak begitu senang berlaku lagi.

Selain daripada pendaftar pertubuhan, Yang Berhormat Dato' Ghazi ada memberi contoh, katakan syarikat kemudian diawasi oleh Securities Commission, pihak Audit, saya rasa dalam pertubuhan-pertubuhan bukan syarikat ini pun ada pihak-pihak lain yang mengawasi. Selain daripada Pendaftar Pertubuhan sebenarnya segala kegiatan yang akan dijalankan oleh mana-mana satu badan mereka juga perlu mematuhi undang-undang yang lain. Sebagai contoh, pihak polis sentiasa menguatkuasakan Kanun Keseksaan, ini akta yang berkaitan perjudian dan akta-akta yang lain. Jadi itu juga mengawasi dan mengawal kegiatan-kegiatan ini, maka serupa juga selain daripada Pendaftar Pertubuhan, pihak-pihak berkuasa lain juga membantu bersama-sama mengawasi kegiatan. Pada masa kini

masih berkesan, masih kita dapat kawal selia dengan baik secara bersepadu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga ada pandangan yang mengatakan mungkin denda itu kurang sangat dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan di sini bukan akta ini sahaja akan mengawasi kesalahan-kesalahan tertentu, ada akta lain yang lebih berat hukumannya terhadap sesuatu kegiatan. Jadi kalau terlepas dari akta ini ataupun akta ini tidak boleh kita kenakan satu hukuman yang cukup 'deterrent'nya, ada lagi akta yang lain boleh kita pakai. Dalam akta ini memang kita telah meningkatkan denda-denda yang tertentu terutamanya mereka yang menjalankan kegiatan haram, mereka telah menjalankan kegiatan tanpa kebenaran, mereka telah membenarkan pertubuhan-pertubuhan yang haram di dalam premisnya, mereka yang menghasut orang lain supaya menjadi ahli kepada badan-badan yang tidak sah ataupun unlawful society, semuanya telah dipertingkatkan mengikut perkembangan semasa. Pada masa yang sama akta-akta lain akan tetap digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah saya jawab secara menyeluruh terhadap sama ada sijil, maklumat palsu dan sebagainya. Mengenai satu pandangan bahawa, dari Yang Berhormat Dato' Ghazi juga tentang 60 hari, semalam saya tidak sempat menjelaskan tentang satu pindaan, sebenarnya pindaan ini adalah sangat penting mengenai penyata tahunan iaitu pada masa kini tempoh selama 28 hari sahaja diberi untuk menyampaikan penyata tahunan pertubuhan selepas mereka mengadakan mesyuarat tahunan. Dengan pindaan kepada seksyen 14(1) masa telah dipanjangkan dari 28 hari kepada 60 hari daripada tarikh berlangsungnya mesyuarat agung tahunan untuk menyampaikan perkara-perkara tersebut. Ini adalah satu kelonggaran kepada pertubuhan untuk menjalankan kewajipan mereka mengikut undang-undang. Dan seterusnya bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan yang biasanya diadakan dalam tempoh 2 tahun atau lebih. Sebab saya tidak jelaskan, mungkin Yang Berhormat Dato' Ghazi telah ingat bagi mereka yang salah, sepatutnya ada mesyuarat tahunan tetapi mereka tidak jalankan, masih kita berikan 60 hari, sebenarnya bukan. Ada badan-badan yang perlembagaan mereka hanya mewajibkan mereka mengadakan

mesyuarat tahunan sekali dua tahun, mesyuarat agung dwi-tahunan. Jadi untuk badan ini, tahun pertama ia tidak ada mesyuarat agung, ia tidak jalankan, jadi kita mewajibkan juga, dalam 60 hari pada tamatnya tahun kalendar, ia wajib menghantar penyata tahunan. Maksudnya mereka yang salah tetap salah tidak kira satu tahun, dua tahun kalau mereka tidak adakan mesyuarat agong, itu sudah salah. Penyata ini untuk semua, tiap-tiap tahun kena ada penyata tahunan itu dihantar. Cuma kita beri kelonggaran 28 hari jadi 60 hari. Itu pun pihak kerajaan tahu ramai yang tidak dapat menepati tarikh itu, sebab sekarang ini cuma 50% lebih sahaja yang selalunya tepat pada masanya menghantar penyata tahunan yang lain-lain itu selalunya ia ada pelbagai alasan, sama ada pengerusi, setiausaha mengatakan sibuk, mengatakan akaun tahunan mereka tidak boleh siap, mengatakan rekod tidak kemas, tidak ini, tidak itu, tetapi kali ini selepas pindaan kita tidak mahu semua alasan ini lagi. Dulu kata 28 hari tidak cukup sekarang diberi 60 hari dan kita akan ketatkan kawalan nanti supaya semua pertubuhan akan jadi lebih transparent, lebih amanah. Kalau tiap-tiap tahun buat akaun dengan baik dan tiap-tiap tahun beritahu kerajaan tentang perkembangan secara bertulis 'on record' jadi tidak ada orang boleh menyeleweng, boleh melindungi sesuatu, boleh ubah sini, ubah sana dan tutup sini, tutup sana. Saya rasa inilah satu tujuan kita hendak memastikan penyata tahunan ini boleh sentiasa dikemukakan dalam masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng telah mengalu-alukan pindaan ini dan memang benar apa yang telah Yang Berhormat katakan kita hendak cepat dari segi perkara-perkara seperti pinda alamat, undang-undang pertubuhan, pinda pertukaran alamat dan sebagainya boleh diluluskan dengan cepat, sebab itulah kita hendak luluskan pindaan di sini untuk turunkan kuasa kepada penolong-penolong pegawai diperingkat negeri. Cadangan untuk mengadakan borang khas, memang kita telah mula gunakan satu borang baru sejak pertengahan tahun lalu dan borang khas itu terus kita beri kelulusan di dalam borang itu. Kelulusan diberi dalam borang yang sama dan borang yang sama yang diluluskan itu akan jadi sijil kelulusan. Jadi itu telah banyak mengurangkan 'red tape'.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah memberi pandangan dengan panjang lebar dan memang saya setuju kalau semua NGO dapat membantu kerajaan untuk menyampaikan maklumat dalam bidang pengaruh mereka, tidak kira sama ada ia ada international link atau domestic dan sebagainya. Mereka akan memberi lebih kesan sekiranya mereka hendak bantu kerajaan bukan kerana ia sokong kerajaan, dia bantu kerajaan kerana dia hendak membantu negara kita, boleh adakan satu masyarakat yang sangat berdisiplin dan yang sangat informatif, yang sangat berkoordinasi dan satu masyarakat yang benar-benar maju. Saya rasa itulah selalunya NGO yang setuju dengan, adalah NGO yang benar-benar mencintai negara dan jujur untuk membantu masyarakat.

Dari segi penyata tahunan telah saya terangkan tadi, sekali setahun pun susah kalau empat kali setahun, saya rasa 50% lebih itu akan turun menjadi 20%. Jadi berapa banyak lagi yang hendak kita batalkan. Tujuan kita tidak mahu batal mana-mana pertubuhan, kita beri peluang, sekarang kalau hendak batal satu pertubuhan pun bukan senang sangat. Mula-mula kita beri 60 hari kalau selepas pindaan ini, selepas 60 hari ia tidak beri lagi, kita akan beri notis, minta ia kemukakan dalam 30 hari dan beritahu mengapa tidak beri, 30 hari ia tidak beri baru kita berikan notis kata hendak gantung dan sebagainya. Jadi ada masa, itu pun kalau ia ada alasan yang baik, ia tulis atau mereka datang jumpa dengan Pendaftar Pertubuhan mengatakan ia ada masalah sementara, ia hendak tunggu penyata kira-kira itu diaudit ataupun ada sumber kewangan yang perlu adakan penyelesaian, selalunya Pendaftar akan bantu, akan beri ia kebenaran supaya ia lewat dengan persetujuan Pendaftar Pertubuhan. Cuma orang yang tidak ambil tahu, surat datang ia tidak mahu jawab, tidak mahu tengok apa pun dokumen-dokumen, panggil pun ia tidak mahu pergi, kalau macam itu sudah menjadi pemegang jawatan yang tidak bertanggungjawab. Selalunya orang macam inilah yang menjadikan pertubuhan itu dibatalkan dan bila dibatalkan barulah dia cari wakil rakyat, itu pun selepas satu tahun atau tiga tahun.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, saya ingin penjelasan, apakah rasional kementerian untuk terus mengadakan, kalau ada pertubuhan-pertubuhan

yang tidak aktif yang mungkin tidak berminat. Dan keduanya, dibenarkan untuk diteruskan, kerana tadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri kata kalau boleh kementerian tidak mahu batalkan pertubuhan-pertubuhan. Tetapi saya juga ingin penjelasan dari pihak Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri memandangkan masalah-masalah yang juga timbul kerana adanya pertubuhan-pertubuhan ini. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk mengadakan satu cleaning up exercise, dengan izin, supaya ia dapat menentukan aktiviti-aktiviti, dapat menentukan arah tuju dan faedah-faedahnya pertubuhan-pertubuhan itu kepada negara.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tidak mahu batalkan mana-mana pertubuhan, maknanya pertubuhan yang benar-benar masih wujud dan ahli-ahli masih giat, mereka masih mahu pertubuhan itu diteruskan. Cuma ia punya pemimpin tidak ambil berat tentang undang-undang bahawa dia kena hantar penyata tahunan. Bagi mereka ini, kami sebenarnya cuba elakkan dari pembatalan kerana ahli mereka tidak tahu, selalunya bila timbul selepas satu masa yang panjang baru ahli mereka tahu pertubuhan itu sudah dibatalkan dan mereka merayu dan baru ingat mengapa kerajaan begitu strict dan sebagainya.

Bagi pertubuhan yang berturut-turut satu tahun, dua tahun, tiga tahun tidak hantar penyata tahunan, selepas itu kita anggap mereka ini mungkin tidak wujud lagi. Maka dengan itu boleh kita beri satu notis menyatakan pertubuhan itu tidak wujud lagi. Banyak kali pengalaman kita ialah sudah tiga tahun tidak nampak apa-apa penyata tahunan kita anggap ia tidak wujud, tiba-tiba ia wujud, tiba-tiba ia datang dengan satu rombongan mengatakan selama ini mereka aktif tetapi tidak ada surat menyurat, tidak ada usaha buat surat menyurat dengan Pendaftar Pertubuhan. Inilah yang menjadi masalah terutamanya banyak tempat-tempat yang mungkin ahli-ahli jawatankuasa tidak begitu faham undang-undang ataupun pengerusi atau setiausahanya biar dan serah kepada setiausaha kerja yang mereka upah, kadang-kadang setiausaha kerja itu telah letak jawatan, dokumen itu dia telah kunci dan tinggalkan tempat itu dan untuk dua, tiga tahun kita tidak tahu apa berlaku. Banyak kelemahan ini berlaku, saya harap selepas pindaan ini, pada masa yang sama Pendaftar Pertubuhan sentiasa ada dialog, memang ada dialog,

Penolong Pendaftar di peringkat negeri selalunya akan pergi ke tempat-tempat untuk menganjurkan dialog. Saya tahu, aktif.

Kadangkala saya pun menghadiri dialog. Saya sendiri pun berdialog dengan badan-badan yang bertaraf nasional level punya body. Saya rasa banyak usaha sudah dijalankan. Dan mereka yang aktif itu tetap tidak ada masalah. Mereka yang pasif itu tetap jadi masalah. Yang pasif itu dia tidak akan datang dialog, dia tidak akan ambil minat tetapi dia masih pegang jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, sport check memang ada banyak kali kita buat. Dengan pindaan undang-undang ini akan buat dengan lebih berkesan. Dari segi bahan percetakan, dokumen-dokumen kena hantar salinan kepada JPPM. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri sudah ada satu unit khas iaitu Unit Kawalan Penerbitan. Kita bagi KDN permit dan setiap isu, setiap cetakan itu dia kena hantar ke Unit Kawalan Penerbitan. Jadi Pendaftar Pertubuhan tidak payah buat satu kerja lagi lama untuk baca. Kalau kita cuba hendak faham, hendak tahu kalau semua pertubuhan ini hantar satu berita dia kepada kita, stor room kita tidak boleh buat. Jadi ada satu unit khas kita handle ini. Kadangkala saya hendak contoh sikit mereka hantar banyak pejabat saya pun tidak ada tempat hendak letak. Saya sudah kata jangan hantar semua. Apa yang saya hendak, baru mereka hantar. Jadi ini bukan satu kerja yang dari segi logistiknya praktikal sangat tetapi unit kita tetap akan mengawal. Apa-apa yang sudah luar daripada undang-undang akan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada negara kita tetap akan bertindak dan sebagainya. Borang yang ada format memang sudah ada. Sekarang ini memang kita hendak semua badan ikut format itu dan kategorikan pertubuhan memang sudah ada. Masa sekarang kita sudah ada tigabelas kategori pertubuhan. Dan tidak payah saya baca satu-satu kerana masa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai komputer saya sudah jelaskan dan dokumen palsu semua itu sudah ada kita jalankan penguatkuasaan. Elemen jenayah itu kita tengok kalau hanya satu kesalahan yang minor, yang tidak sengaja, kita akan ikut akta pertubuhan biasa. Kalau dia sesuatu lebih daripada itu kita tengok undang-undang lain yang mungkin lebih serius untuk guna terhadap siapa-siapa yang cuba

menipu dengan memberikan dokumen-dokumen palsu dengan memalsukan sesuatu dan apakah tujuan mereka, kita kena tengok.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah timbul masalah majong. Ini juga satu masalah saya banyak kali ditanya terutamanya oleh komuniti kaum Cina. Majong ini sampai hari ini saya belum dapat satu dokumentasi yang sah kata dia budaya Cina. Walaupun baru-baru ini Republik Rakyat Cina ada benarkan competition majong. Kerajaan dia ada bagi. Secara besar-besaran, main majong sebagai satu competition. Pada saya kalau orang anggap majong ini sebagai satu game yang melatih otak, fikiran, kemahiran tanpa transaksi wang. Kalau dia tidak pakai wang dia hanya main majong macam satu game, strategi macam mana dan pass time dengan melatih dia punya otak, okey saya rasa. Tapi kalau sudah keluar wang hendak main judi, itu sudah jadi judi. Judi itu boleh jadi apa-apa. Apa-apa itu, orang main golf pun boleh jadi judi. Bila dia bating besar-besar. Jadi perjudian itu tengok apa dia punya motif, apakah ada transaksi wang atau tidak.

Pada masa sekarang Pendaftar Pertubuhan sudahpun ada garis panduan. Kalau persatuan-persatuan yang strategi sudah lama ini sejak dulu pun sudah ada mereka bagi orang-orang warga tua ataupun senior citizen sudah main majong di situ tanpa judi maknanya tidak ada wang yang banyak-banyak itu, dia hanya pass time sahaja. Kita benarkan dua meja ke bawah kerana Common House Gambling Act telah menetapkan lebih daripada lapan orang dan kalau dia sama-sama buat satu game mungkin ada satu unsur wang, itu gambling. Kita kena jaga sebab kalau Pendaftar kata boleh, nanti Common House Gambling Act sudah langgar. Polis tetap akan tangkap. Jadi practise sekarang ialah dua meja ke bawah bagi persatuan-persatuan yang dulu sudah ada practise ini tanpa perjudian kita selalunya tidak kacau. Tapi saya selalu galak generasi muda jangan mulakan majong ini di rumah persatuan. Saya rasa ini bukan satu kegiatan yang kita hendak galakkan orang muda duduk sana sepanjang hari main majong. Itulah yang saya hendak jelaskan.

Selain daripada itu ada juga ini Akta Hiburan Negeri/State Entertainment Act ada dan kerajaan tempatan, itupun kita kena tengok apa-apa kegiatan melanggar mana-mana satu undang-undang, Pendaftar Pertubuhan akan anggap kegiatan yang

tidak dibenarkan oleh pertubuhan yang dibenarkan oleh akta ini. Jadi itu satu prinsip perundangan. Mesin slot dan sebagainya sudah, saya rasa itu ada kaitan dengan State Entertainment Act dan ada juga unsur-unsur yang lain. Saya rasa bukan simple sehingga polis ambil mesin balik dan curi di Balai Polis.

Saya rasa, saya tahu kalau dekat Dewan Rakyat saya dapat banyak tekanan daripada Ahli Parlimen. Mereka sebaliknya menekankan saya sebab polis patut tegas merampas semua mesin ini kerana budak sekolah sudah masuk tempat-tempat ini. Main mesin kuda, slot mesin, walaupun wang itu tidak keluar masa itu, tapi dia ada point-pointnya. Dia macam satu judi juga, sebenarnya dekat Dewan Rakyat mereka kata ramai ibu bapa datang suruh wakil rakyat tekan kerajaan untuk pergi buat penguatkuasaan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Adakah Dato' sedar di Port Dickson ada juga slot machine untuk kanak-kanak saja. Macam orang dewasa main tetapi yang itu untuk kanak-kanak. Tidak kira kanak-kanak dewasa pun main situ jugak. Dia punya lesen untuk kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*].

**Dato' Ong Ka Ting:** Kalau itu mesin mungkin mesin untuk budak, saya rasa okey. Kalau diluluslah. Apapun ini games, mesin-mesin slot dia kena ambil lesen. Kalau ada lesen, polis ke, pendaftar ke tidak akan kacau. Tetapi kalau dia tidak ada lesen tetap penguatkuasaan kita perlu ambil. Selalunya unsur perjudian itu ada. Tapi tengoklah kalau keadaan di mana ada penyelewengan kita tetap akan betulkan.

Tuan Yang di-Pertua, secara Yang Berhormat dialog sudah saya jawab. Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah pun memberikan pandangan. Saya rasa pandangan saja. Tidak ada apa-apa yang boleh kita hendak buat. Tapi sebagai makluman saya hendak kata walaupun Yang Berhormat sebut wanita Islam, saya rasa bagi semua kaum wanita memang pertubuhan wanita yang didaftar kurang sangat. Dalam rekod Pendaftar Pertubuhan sini, seluruh negara kita hanya ada 134 pertubuhan yang berdaftar bagi wanita. Seluruh negara sehingga pertengahan tahun lepas. Saya rasa 134 badan sahaja memang tidak cukup. Jadi saya rasa mungkinlah

Yang Berhormat-Yang Berhormat terutamanya Senator yang mewakili kaum wanita boleh dari segi usaha lagi, kalau badan-badan pendaftar banyak dan kegiatan pun luas, pendedahan pun banyak kepada maklumat, kepada masyarakat tentulah akan jadi lebih menguntungkan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin telah menyentuh, sebahagiannya telah saya jawab iaitu tentang penyata tahunan. Mengenai syarat melonggarkan keahlian bagi yang tinggal luar daripada sesuatu mukim kawasan untuk masuk jadi ahli pertubuhan adalah faedah bersama 'mutual benefit society', dengan izin. Sebab dulu, pertubuhan faedah bersama ini ketat sangat (rigid), dia hanya dibenarkan katakan satu badan kebajikan yang menjaga ahli-ahli, dia ditetapkan di satu pejabat atau di satu bangunan katakan bangunan Parlimen, dia punya ahli mesti daripada kawasan itu sahaja, mereka yang daripada luar semuanya tidak boleh masuk jadi ahli. Jadi sekarang dengan kelonggaran ini, maka pertubuhan mutual benefit society ini akan menjadi lebih senang, misalnya semua Ahli Yang Berhormat walaupun alamatnya di kawasan masing-masing, tetapi kita datang ke sini sebagai satu badan Parlimen, sepatutnya kita boleh mengadakan satu badan mutual benefit society di tempat ini, walaupun kita semua berasal daripada tempat yang berlainan. Ini memang satu kelonggaran yang boleh mendatangkan faedah.

Saya setuju benar dengan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, kita ke arah satu masyarakat yang lebih berilmu, ke arah satu negara yang maju. Apa-apa juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain ada sentuh, apa-apa perkara yang boleh mendatangkan masalah, menjejaskan keselamatan kita, men`destabilise`kan menjadi negara kita tidak stabil, ataupun memudaratkan ketenteraman.

Syarat pertubuhan itu dibenarkan ialah supaya keadaan yang tidak baik ini tidak terjadi. Tujuan kita benarkan pertubuhan itu didaftarkan ialah untuk menjaga dan memastikan kegiatan itu tidak akan menjejaskan keselamatan, memudaratkan ketenteraman kita dan tidak akan merosakkan imej kita dan sebagainya. Jadi, apa-

apa yang memenuhi syarat kebaikan ini, maka kita timbang mengikut peruntukan akta, inilah yang menjadi bidang kuasa dan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cuba seboleh-bolehnya jawab dan ulas segala apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya juga sedar tidak dapat 100% menjawab semua pandangan atau soalan tetapi saya memberi jaminan bahawa kementerian saya tetap akan mengambil maklum dan juga memberi perhatian yang sewajarnya. Itu saya jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG FEE (PLANETARIUM NEGARA) (PENGESAHAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang Akta Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Planetarium Negara telah ditubuhkan bertujuan antara lain untuk meningkatkan kefahaman, minat, kesedaran dan penghayatan masyarakat awam terhadap sains angkasa. Pembinaan Bangunan Planetarium Negara telah pun disiapkan dalam tahun 1994. Majlis perasmian pembukaan Planetarium Negara telah dijalankan pada 7 Februari 1994 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Setelah dirasmikan, Planetarium Negara telah membuka teater, galeri pameran serta kemudahan-kemudahan lain kepada pengunjung. Pada masa ianya dirasmikan, Planetarium Negara adalah di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri, kemudiannya pada Mei 1995 ianya telah dipindahkan di bawah pentadbiran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pusat ini menyediakan program berhubung dengan angkasa untuk masyarakat awam khususnya penuntut-penuntut sekolah. Kehadiran orang ramai khususnya ibu bapa dan anak-anak mereka ke Planetarium Negara boleh meningkatkan kefahaman, menarik minat dan seterusnya mendorong anak-anak mereka menceburi bidang sains angkasa. Kemudahan di Planetarium Negara meliputi galeri pameran tentang sains angkasa, teater angkasa untuk pertunjukan planetarium dan filem angkasa, galeri pemandangan dengan kemudahan binokular, kawasan rehat batuan angkasa dan taman balai cerap purba.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak dibuka pada 8 Februari 1994, Planetarium Negara telah menerima hampir 1 juta orang pengunjung, pelajar sekolah merupakan golongan terbesar pengunjung ke Planetarium Negara. Di samping pertunjukan filem dan bahan pameran, Planetarium Negara juga mengadakan program-program pendidikan sains angkasa seperti program pencerapan, spacecam dan ceramah umum sains angkasa yang melibatkan penyertaan para pelajar dan orang awam. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman, minat dan penghayatan masyarakat terhadap sains angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dibuka kepada orang awam pada 8 Februari 1994, pengunjung ke Planetarium Negara dikenakan bayaran fee masuk mengikut kadar yang berikut:

- (i) Pertunjukan Planetarium

Dewasa - RM3 seorang;  
Kanak-kanak berumur 12 tahun - RM2 seorang;  
Sekumpulan 30 orang murid sekolah rendah  
berpakaian seragam - RM1 seorang.

(ii) Filem Angkasa

Dewasa - RM6 seorang;  
Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah - RM4 seorang;  
Sekumpulan 30 orang murid sekolah rendah berpakaian seragam -  
RM3 seorang.

(iii) Pameran

Orang berumur 12 tahun dan ke atas - RM1 seorang.

Bayaran fee ini adalah lebih rendah berbanding dengan planetarium lain di luar negeri. Misalnya Planetarium Singapura yang mengenakan fee untuk filem dan pertunjukan angkasa dari 8 dolar hingga 10 dolar Singapura. Kadar fee ini telah disemak semula pada tahun 1996 apabila kajian dibuat untuk menentukan charge fee bagi Pusat Sains Negara. Walau bagaimanapun, kadar fee yang dipakai dikekalkan kerana difikirkan munasabah dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita ada satu undang-undang khas dibuat bagi kutipan fee untuk Planetarium Negara, penetapan kadar fee bagi Planetarium Negara perlu dibuat di bawah Akta Fee 1951, disemak 1978. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perintah mengenakan dan penetapan fee bayaran masuk ini telah dibuat melalui Perintah Fee (Planetarium Negara) 1997, Akta Fee 1951 yang telah dibentangkan di meja Dewan Rakyat menurut Seksyen 4, Akta Fee 1951 pada 10 November 1997. Ianya berkuatkuasa mulai 16 November 1997. Oleh yang demikian, satu akta perlu digubal bagi mengesahkan semua kutipan fee yang telah dibuat sebelum dari tarikh tersebut. Rang Undang-undang Kutipan Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997 adalah bertujuan untuk mengesahkan kutipan fee berkenaan dengan mana-mana pertunjukan di Planetarium Negara dalam tempoh dari 8 Februari 1994 sehingga 15 November 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk mengesahkan pemungutan fee dan bayaran berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana pameran yang diadakan di Planetarium Negara selama tempoh mulai 8 Februari 1994 hingga 15 November 1997 dibacakan bagi kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**5.55 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan sekali gus mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan kerajaan kerana telah berjaya mewujudkan satu planetarium negara yang kita anggap sebagai satu tapak permulaan untuk kita sama-sama menjadi pemain dalam bidang sains angkasa.

Pada hemat saya tanpa adanya planetarium ini kita di Malaysia ini mungkin merasakan bidang angkasa itu sesuatu alam yang mungkin kita tidak mampu terokai. Tetapi setelah kita pergi ke planetarium dengan ambiencenya yang begitu mengagumkan dan juga asbit-asbit dan juga filem-filem yang ada, sedikit sebanyak kita dapat merasakan bahawa alam angkasa itu, alam yang dijadikan Allah S.W.T. adalah satu alam yang sebenarnya hak semua manusia, bukannya hanya mereka yang di Barat tetapi juga kita di Timur.

Kita juga dapati bahawa untuk kita sama-sama menerokai alam angkasa ini bukanlah sahaja setakat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi untuk memberi pendidikan tetapi juga merupakan satu lagi perkara yang diberi keprihatinan dan kepekaan oleh pihak kerajaan untuk sama-sama rakyat merasakan mereka sebahagian daripada visi negara, visi Perdana Menteri dan saya percaya juga Ketua Pengarahnya, Dr. Mazlan bin Osman juga adalah merupakan seorang peneraju kepada sains alam angkasa lepas ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dr. Mazlan Osman secara peribadi dan juga mungkin bagi pihak Dewan ini kerana telah berjaya mewujudkan planetarium ini dan memberi begitu banyak komitmen untuk perkembangan dan pembangunannya. Kalau kita bercakap dengan beliau, kita rasakan seolah-olah itulah dunia beliau dan beliau memberikan begitu banyak perhatian dan merasa keprihatinannya untuk mengembangkan sains angkasa ini di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sains angkasa ini perlulah kita perembangkan lagi mungkin planetarium ini juga akan ada mempunyai pusat penyelidikan dan pembangunannya dan ianya boleh dan perlulah diperkembangkan seterusnya dan saya rasa apa yang saya dengar tentang fee yang telah ditetapkan dan juga fee yang perlu kita luluskan hari ini tidaklah setinggi mana dan sebenarnya tidak dapat memberikan sumbangan yang begitu banyak untuk terus membangunkan Planetarium Negara ini.

Saya harapkan selepas ekonomi kita pulih, pihak kerajaan akan terus memberi sumbangan dan komitmen dari segi kewangan untuk memastikan bahawa sains angkasa ini akan terus diterokai dan seterusnya kita pula akan dapat mewujudkan satu agensi angkasa supaya kerja-kerja sains angkasa ini dapat terus diterokai dan seterusnya tentu sekalilah mungkin pihak kementerian akan cuba pula mewujudkan polisi atau dasar angkasa negara yang perlu bukan dilihat sahaja sebagai satu aspek untuk discovery atau invention, dengan izin, mengarah kepada perubahan dan perkembangan tetapi juga perlu dilihat dari segi nilai-nilai commerce atau perniagaan dan juga yang paling penting ialah bagaimana kita perlu melihat kepada sains angkasa ini dalam konteks pertahanan negara.

Kita dengar bagaimana India, Pakistan dan juga negara China mempunyai banyak ahli-ahli saintis yang telah dapat mengemukakan saintis-saintis yang dapat menerokai contohnya, alam nuklear tetapi itu mungkin kita tidak mempersetujui tentang nuklear tetapi kita perlu melihat kepada pentingnya dari segi pembentukan ataupun mewujudkan satelit-satelit yang perlu dihantar ke angkasa lepas untuk menjaga defence atau pertahanan negara.

Kita perlu melihat kepada sains angkasa dan teknologi untuk memastikan bahawa sebenarnya kita dapat mengawasi pertahanan negara melalui sains angkasa kerana kalau kita baca dalam majalah-majalah, saya ada baca dalam majalah *Times* yang mengatakan macam mana 'United States of America were caught unaware' yang India telah melakukan ujian nuklear kalau tidaknya Amerika ini menganggap diri mereka sebagai polis dunia dan ianya sepatutnya dapat mengetahui bahawa India akan menguji senjata nuklear mereka. Dan kita dapati bahawa ada satelit-satelit sebenarnya yang sentiasa mengelilingi alam buwana ini untuk dapat mengesan aktiviti-aktiviti yang berlaku di negara-negara di seluruh dunia dan satelit-satelit inilah yang digunakan oleh US untuk mengatakan bahawa ianya mempunyai kuasa yang besar, yang dapat menentukan keamanan, seterusnya dapat menentukan aktiviti-aktiviti setiap negara.

Tetapi ia agaknya lupa bahawa ada negara-negara juga seperti India, saya rasa namanya 'Kalaf', yang telah berjaya sebenarnya mengetahui dan bahawa dengan ilmu sains yang dia tidak boleh mengelak ujian nuklear itu semasa satelit Amerika itu bukan berpusing di kawasan tempat nuklear-nuklear di India.

Jadi, ini adalah satu perkembangan dan saya rasa adanya pihak orang di India dan juga di Pakistan, contohnya, bahawa orang Asia juga mungkin lebih pintar dan mempunyai keupayaan dan kepintaran untuk sama-sama menguasai alam angkasa. Jadi, kalau kita ada planetarium, kita ada Paksa, kita juga ada P&P tentang angkasa negara ini, memanglah saya mengharapkan pihak kementerian akan terus berusaha untuk kita sama-sama juga menjadi satu nation angkasa atau negara angkasa. Kita telah pun ada Meassat 1 dan Meassat 2 dan kita mengharapkan mungkin dengan ini juga kita akan terus dapat mencapai tahap yang lebih tinggi.

Saya mungkin ingin mencadangkan bahawa sains angkasa ini dijadikan sebahagian dari kurikulum sekolah untuk memberikan minat kepada anak-anak kita tentang sains angkasa. Kalau kita baca dalam Alaf 21 apa yang diramalkan tentu sekalilah ramalan ini banyaknya dari majalah Barat walaupun mungkin ramai yang mengatakan kita tidak perlu terpengaruh dengan majalah Barat, tetapi sebab

majalah-majalah kita di sebelah sini tidak banyak mengeluarkan pendapat, research dan juga pelbagai maklumat, kita tidak ada pilihan tetapi kita perlu juga mengamati dan perlu mengambil kira ramalan yang dibuat oleh pihak Barat terutamanya apa yang mereka ramalkan dalam dunia sains.

Dunia sains banyak yang telah dikatakan oleh saintis-saintis bahawa ianya Alaf Ke-21 ini akan merupakan satu alaf sains yang berasaskan moral. Walau bagaimanapun, juga dunia sains akan datang merupakan sains yang akan melihat kepada apa yang perlu digunakan oleh manusia. Ada seorang saintis, ini sebagai satu contoh, seorang Tunisia tetapi dia duduk di France, saintis di France, dia menggunakan sains untuk faedah orang-orang di Tunisia, bagaimana ianya dapat menambahkan makanan kepada orang di tempatnya.

Jadi, dia mengatakan bahawa masa depan sains ini akan melihat kepada penggunaan sains itu, walaupun banyak kita dengar banyak sains develop ataupun dibangunkan untuk penggunaan sesuatu sebab, tetapi perlu jugalah kita mengambil perhatian bahawa dalam Alaf 21 nanti, di mana sains akan berperanan begitu tinggi, kita perlu tidak dapat tidak menyetepikan tentang angkasa.

Amerika Syarikat telah melihat angkasa itu sebagai satu kawasan yang hendak dijadikannya sebagai 'a tourist centre', ia telah banyak pergi ke bulan dan ia mempunyai roket-roket, ia nampak dalam masa depan ini nanti, ia hendak gunakan itu sebagai tourist, tempat pelancongan bagi USA. Jadi, kalau kita tidak menyediakan diri kita supaya kita juga menjadi pemain angkasa lepas, tentulah kalau semua orang sudah ada satelit-satelitnya di atas sana, memang banyak sudah dan kita tidak bersuara di peringkat antarabangsa, di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk meletakkan ataupun memberikan penekanan tentang kita juga merupakan pemain atau actor dalam space ataupun angkasa lepas, tentu sekali bila mana besok mereka semua membuat tuntutan kawasan-kawasan tertentu sebagai kawasan angkasa lepas mereka, kita tidak akan mempunyai tempat samalah seperti yang dikatakan oleh Dr. Mazlan semasa kita mengadakan dialog dengan beliau bahawa kita hari itu sibuk dengan tuntutan di Antartika tetapi kita tidak pernah pun

menunjuk minat kepada kawasan di Antartika dan apabila kita cuba masuk, kita tidak mempunyai lagi tempat.

Begitu jugalah dengan angkasa lepas ini, walaupun kita nampak angkasa lepas itu besar, tetapi ianya perlulah kita memberi perhatian dan pengkhususan. Alhamdulillah, kita dapati pihak kerajaan telah pun mempunyai kesedaran dan kita berharaplah dari Dewan Negara ini bahawa usaha akan diteruskan untuk peningkatan, penglibatan sains kita dalam bidang angkasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya jugalah ingin menyatakan di sini bahawa kita sebenarnya dapat menggunakan planetarium ini untuk dijadikan satu pusat dakwah untuk semua rakyat kita tak kira bangsa dan agama bahawa dengan adanya kita melihat planetarium ini yang menunjukkan angkasa lepas menunjukkan planet-planet, bintang-bintang sesungguhnya ada wujud satu kuasa, kita panggil ia 'creator' dan satu yang boleh memberikan satu rasa rendah diri bahawa alam ini sebenarnya adalah alam yang diwujudkan satu kuasa lebih besar dari segala-galanya dan bahawasanya ianya perlu dilihat sebagai satu elemen untuk mendakwahkan manusia kalau dalam Islam kita dapat bahawa banyak misteri-misteri alam buwana ini yang tidak dapat kita fahami dan sesungguhnya Allah itu amat besar empayarnya yang tidak dapat kita terokai.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa planetarium ini dan sains angkasa akan terus diwujudkan sebagai satu tapak permulaan untuk kita terus bersaing bersama dengan negara-negara lain, sebabnya kita boleh lihat dari commercial valuenya yang mungkin masih belum diterokai kerana kita banyak mempercakapkan tentang perdagangan dan sebagainya. Mungkin kita perlu melihat dari segi konteks alam angkasa ini dan sama-samalah kita juga merupakan ejen pembangunan, perubahan dalam sains dan saya juga berharap bahawa apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi untuk sama-sama mendidik dan seterusnya memberi komitmen yang tinggi untuk kemajuan sains di negara ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, sila menjawab.

**6.11 ptg.**

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** .....atas pandangan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Ya? Oh, Yang Berhormat Puan Kamilia. Selalu dengar Mastika, Mastika Tuan Yang di-Pertua kata [*Ketawa*]. Minta maaf. Yang Berhormat Puan Kamilia di atas pandangan-pandangan yang jauh, bernas dan memanglah kita baru dalam bidang ini. Saya teringat kepada satu kata-kata Confucius “Kita bermula dengan perjalanan yang jauh, bermula dengan langkah yang pertama” dan ini langkah kita yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, atas pandangan-pandangan yang diberi tadi dan atas usaha-usaha kerajaan yang dibuat mengenai dengan planetarium kita ini, pada saya adalah begitu menakjubkan bagi permulaan dan memanglah Tuan Yang di-Pertua, di dalam Al-Quran pun ada menyatakan yang bererti “*Bahawa Aku jadikan jin dan manusia ini untuk menyembah Aku*”. Jadi, kita ini adalah kecil. Kita adalah daripada makhluk yang kecil dan yang lemah dan inilah usaha-usaha yang kita buat, mewujudkan ini untuk memberi pelajaran dan pengajaran kepada anak-anak kita dan kepada mereka yang telah lanjut, yang menjadi ibu bapa dan lain-lain sebagai anggota masyarakat. Sebagai manusia di bumi Allah ini sememangnya memberi galakan-galakan ini kepada anak-anak kita dan saya percaya perkara ini akan diperkembangkan nanti dengan kewujudan yang ada bagi permulaan ini yang telah ditubuhkan pada tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh banyak. Mengenai dengan bom nuklear yang diletupkan oleh India – ini adalah mainan politik dunia.

Ini politik Amerika pada saya. Amerika mengatakan dia tidak mengetahui, padahal perkara ini menggegarkan bukan sahaja Asia, malahan dunia. Yang menakutkan dan menakjubkan perkara ini adalah Pakistan yang menjadi musuh ketat India yang kita tahu. Ini adalah mainan politik bangsa-bangsa yang besar dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, fokus planetarium kita ini fasal penyelidikan dan pembangunan (R&D). Fokus planetarium negara masih lagi tertumpu kepada pendidikan angkasa. Program-program R&D masih di peringkat perancangan lagi dan insya-Allah dengan sokongan semua pihak, Ahli-ahli Yang Berhormat kita semua kita berharap bahawa kerajaan akan menambahkan peruntukan-peruntukannya lagi untuk kita memperbesar dan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk membanyakkan lagi program yang boleh memberi faedah kepada rakyat jelata mengenai dengan sains angkasa ini. Dan kita berbanggalah akan ada ahli-ahli sains kita, anak-anak Malaysia hari ini yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang tinggi hari ini, yang boleh kita ketengahkan dan mereka ini sedang giat menjalankan usaha-usaha di peringkat awalan ini untuk meningkatkan lagi cara-caranya bagaimanakah kita dapat membesarkan dan meningkatkan lagi planetarium ini untuk mendapat kunjungan-kunjungan bukan sahaja daripada rakyat di dalam negara kita bahkan daripada rantau Asia dan di seluruh dunia yang berkunjung ke Malaysia, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat tadi yang memuji Ketua Pengarah Dr. Mazlan. Dia ini bukan orang lelaki, orang perempuan. Namanya nama lelaki. Memanglah tokoh wanita kita ini dialah memandang tinggi kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Profesor Dr. Mazlan dengan pegawai-pegawainya dan ahli-ahli sainsnya yang ada di planetarium kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ujian nuklear yang saya kata tadi, memanglah dikutuk oleh negara kita, bahkan dunia mengutuknya. Kita tahu seorang Profesor Abdul Salam tadi dan rakan-rakannya yang mencipta nuklear di India, dia ada mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu yang kita tidak dapat ukur di

dalam Dewan ini. Kita tidak tahulah apa motifnya, dia mesti ada mempunyai motivasi-motivasinya yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar angkasa negara. Dalam proses penggubalan mengambil kira aspek-aspek komersial dan pertahanan, sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan untuk maksud ini. Pihak kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk melihat perkara-perkara bagi penggubalan dasar angkasa negara. Kita mesti ada dasar angkasa negara kita sendiri. Memanglah perkara ini perkara yang kita menghadapi masa depan yang lebih sofistikated, yang lebih canggih terutama perlumbaan dunia hari ini untuk menguasai angkasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satelit, sebuah syarikat milik penuh kerajaan telah pun ditubuhkan yang telah bertanggungjawab dalam membentuk dan membina Measat Malaysia iaitu Tiungsat yang kita tahu telah dilancarkan beberapa lama dahulu yang merupakan satelit pertama milik Malaysia. Ini merupakan langkah perintis penglibatan Malaysia dalam bidang satelit. Bidang ini memanglah memerlukan kewangan yang besar sekali. Katakanlah kalau kita mahu menghantar seorang anak Malaysia hari ini ke angkasa bersama-sama dengan negara-negara yang maju seperti Amerika dan lain-lain, kita memerlukan kewangan lebih kurang RM30 juta, bukan sedikit untuk menghantar, menumpangkan seorang angkasawan ke sana. Insya-Allah perkara ini akan menjadi realiti pada masa-masa akan datang ini dengan usaha-usaha yang dibuat.

Mengenai dengan Kurikulum Sains Angkasa, Tuan Yang di-Pertua, ini telah dimasukkan ke dalam Kurikulum Sekolah Rendah dan Menengah Rendah di bawah pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, atas pandangan-pandangan yang bernas tadi, yang begitu baik daripada Yang Berhormat tadi, maka insya-Allah kita akan bawakan perkara ini untuk dikaji dan diteliti semula oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Itulah jawapan saya secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas pandangan yang diberi tadi.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) (No.2) 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.22 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Syarikat 1965 dilaksanakan, ianya telah dipinda beberapa kali bagi tujuan di antara lain menyesuaikan perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam sektor korporat dan swasta dengan Undang-undang Persyarikatan negara ini. Cadangan pindaan kali ini adalah bertujuan sebagai satu daripada langkah untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti sebilangan badan-badan bukan kerajaan iaitu NGO yang didaftarkan sebagai syarikat yang didapati telah menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan prinsip negara dan boleh menjejaskan ketenteraman dan kepentingan awam.

Selain daripada itu, pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan syarikat lebih bertanggungjawab dalam hal penyediaan akaun syarikat agar ianya

menunjukkan prestasi sebenar syarikat dan mengandungi pendedahan penting yang berguna khususnya kepada para pelabur sama ada dari dalam dan luar negeri dan pemegang saham amnya. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan adalah bertujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran Akta Syarikat 1965 menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sebilangan setiausaha syarikat dan membentuk anomali-anomali di dalam akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 1997 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan 13 fasal pindaan. Cadangan memperkenalkan seksyen baru 11A adalah bertujuan untuk membolehkan dokumen-dokumen berkanun syarikat difailkan ke Pejabat Pendaftaran Syarikat secara elektronik, iaitu tanpa melibatkan penggunaan kertas apabila kemudahan untuk menyerahsimpan dokumen secara elektronik disediakan kelak. Hanya dokumen-dokumen yang akan ditetapkan kelak oleh Pendaftar Syarikat sahaja akan dibenarkan diserahsimpan secara elektronik dan dianggap sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut mencadangkan pindaan yang melibatkan setiausaha syarikat, pertamanya pindaan ke atas seksyen 16, iaitu dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang baru di mana setiausaha pertama yang dinamakan di dalam artikel persatuan sesebuah syarikat akan dikehendaki membuat akuan berkanun mengenai pemansuhan sepenuhnya kepada setiap peruntukan dan kehendak akta dan peraturan yang berkaitan dalam hal pemerbadanan sebuah syarikat dengan sepenuhnya.

Cadangan pindaan kedua ialah cadangan memperkenalkan subseksyen-subseksyen baru (1C), (1D) dan (1E) dalam seksyen 139 di mana seorang setiausaha dibolehkan untuk meletakkan jawatannya sekiranya pengarah-pengarah syarikat tidak dapat lagi dihubungi. Ini kerana pada masa sekarang Akta Syarikat 1965 tidak mengandungi peruntukan yang membolehkan seorang setiausaha menarik diri dari menjadi setiausaha bagi sesebuah syarikat yang didapati tidak lagi aktif dan pengarahnya tidak dapat dikesan.

Dalam keadaan sedemikian, biasanya beliau hanya menulis surat memaklumkan penarikan dirinya sebagai setiausaha ke Pejabat Pendaftar Syarikat, namun surat tersebut tidak membolehkan namanya dikeluarkan dari rekod syarikat berkenaan. Justeru itu, namanya masih lagi tertera di dalam maklumat syarikat di Pejabat Pendaftar Syarikat dan sering disaman untuk mewakili syarikat di mahkamah walaupun beliau telah meletakkan jawatan.

Selain dari subseksyen-subseksyen baru (1C), (1D) dan (1E) dalam seksyen 139 turut dicadangkan ialah subseksyen baru (6) dalam seksyen yang sama. Subseksyen baru (6) ini mengkehendaki seseorang setiausaha itu membuat akuan berkanun dalam borang yang ditetapkan bahawa beliau adalah layak dan memberi persetujuan untuk dilantik sebagai setiausaha syarikat. Diharap dengan cadangan pindaan ini dapat mengatasi aduan-aduan yang kerap diterima oleh Pejabat Pendaftar Syarikat di mana nama seseorang setiausaha telah digunakan tanpa persetujuan atau pengetahuan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, tiga daripada pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menangani masalah kegiatan-kegiatan sebilangan NGO di negara ini. Peruntukan-peruntukan akta yang dipinda bagi tujuan ini ialah seksyen 16, 217 dan 218. Cadangan memasukkan subseksyen baru (8) dalam seksyen 16 bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk menolak permohonan pemerbadanan sesebuah syarikat sekiranya beliau berpuas hati bahawa syarikat yang akan ditubuhkan itu akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang menyalahi undang-undang, menjejaskan ketenteraman awam, kebajikan dan nilai-nilai moral di dalam negara ini atau bertentangan dengan kepentingan dan keselamatan negara.

Pendaftar Syarikat juga perlu diberi kuasa untuk membuat permohonan di mahkamah untuk menggulung sebuah syarikat yang sedia ada sekiranya syarikat itu digunakan untuk kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas. Justeru itu, dicadangkan pindaan kepada seksyen 217(1) dengan memasukkan perenggan baru “(h)” dan seksyen 218(1) dengan memasukkan perenggan-perenggan baru “(m)” dan “(n)”.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Akta Laporan Kewangan 1997 dan penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standard Board (MASB) yang akan menghasilkan piawaian perakaunan diluluskan akan menyebabkan setiap syarikat dikehendaki menyediakan laporan penyata kewangan syarikat mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh MASB. Untuk itu, satu seksyen baru iaitu seksyen 166A diperkenalkan untuk menghendaki pengarah-pengarah sesebuah syarikat memastikan akaun-akaun syarikat disediakan mengikut piawaian perakaunan diluluskan.

Walau bagaimanapun, jika pengarah-pengarah itu berpendapat dengan pemansuhan piawaian itu akan menyebabkan akaun syarikat tidak memberi gambaran sebenar dan saksama mengenai perniagaan dan hal ehwal syarikat, maka pengarah-pengarah hendaklah memberi sebab-sebab di dalam nota kepada akaun syarikat dan memberi butir-butir kesan qualify kewangan jika akaun syarikat disediakan mengikut piawaian itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sambung pada hari Isnin.

**Datuk Tan Chai Ho:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan pada hari Isnin, 1 Jun 1998.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 ptg.*